

"DAN jika kamu sedang musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati pencatat maka hendaklah diadakan barang jaminan untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (saksi-saksi) menyembunyikan perkara-perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya maka sesungguhnya dia ialah orang yang berdosa hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 283.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahashunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gouwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

Galak berkarya melalui amalan membaca

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Selasa, 23 April. - Hari Buku Sedunia diisytiharkan pada setiap 23 April setiap tahun oleh United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dengan matlamat bagi menggalakkan budaya membaca, penerbitan dan pemeliharaan hak cipta buku.

Bagi mendukung hasrat berkenaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bergerak ke hadapan bagi mengadakan Sambutan Hari Buku Sedunia 2024 di Balai Sarmayuda, DBP, hari ini.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus dalam ucapan alu-aluannya berkata adapun objektif sambutan ini diadakan adalah untuk menggalakkan berkarya melalui amalan membaca kerana kita percaya bahawa melalui pembacaan, keyakinan diri apabila berhadapan dengan khalayak dapat dibina dan mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

Sambutan jelasnya, juga bertujuan untuk memperkasa budaya membaca yang berterusan dalam kalangan masyarakat terutama golongan kanak-kanak bagi meneroka dan menikmati keseronokan membaca buku dan seterusnya menggalakkan setiap organisasi untuk terlibat sama menyediakan sudut bacaan sebagai usaha menggalakkan budaya membaca dan menanamkan sikap cintakan ilmu melalui aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan.

>> Muka 12

KEMBANG LUASKAN PENERAPAN PROGRAM INSANIAH, KEMASYARAKATAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Oleh : Nooradini Haji Abas

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan telah menerapkan program insaniah dan kemasyarakatan dalam aktiviti kokurikulum pelajar bagi meningkatkan kecerdasan rohani dan fizikal pelajar.

Inisiatif ini pada hemat beta, adalah perlu untuk diteruskan dan dikembangkan lagi dalam menggalakkan dan membudayakan sikap prihatin dan pemedulian.

>> Muka 2

Perbadanan TAIB semarakkan Sambutan Hari Raya

Siaran Akhbar : Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB), merangkumi Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB) hari

ini menganjurkan perhimpunan Sambutan Hari Raya di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

>> Muka 10

Sidang Kemuncak CPRN : Platform kerjasama, perkongsian pengetahuan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Dalam era yang serba pesat dengan kemajuan teknologi dan globalisasi, ia adalah penting untuk kita memastikan bahawa tiada siapa yang ketinggalan.

Kita mesti berusaha untuk mewujudkan sistem pendidikan inklusif bagi menampung keperluan yang pelbagai daripada semua

pelajar, tidak kira latar belakang atau keadaan mereka.

Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH memainkan peranan penting dalam hal ini dan sebagai hab kecemerlangan dalam pendidikan, sains dan budaya, pusat ini berfungsi sebagai pemangkin bagi inovasi dan kemajuan di negara ini.

>> Muka 11



Berita Utama



SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri anjuran UNISSA sajian juadah pelbagai negara
Muka 16



BENGKEL Penghayatan dan Penerapan Ibadah Solat tutup tirai
Muka 17



TINGKATKAN keupayaan dalam pengurusan bencana
Muka 18



RENCANA BUKU - gedung ilmu tanpa sempadan
Muka 22

Kembang luaskan penerapan program insaniah, kemasyarakatan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

"Pelaksanaan program insaniah dan kemasyarakatan ini hendaknya tidak terhad kepada satu bidang sahaja, iaitu program membantu golongan yang memerlukan yang sering kita dengar dan saksikan.

"Di sana terdapat banyak lagi bidang yang perlu diteroka dan perkuatkan, misalnya bidang keagamaan, keusahawanan, teknologi, kebudayaan, sukan dan alam sekitar," tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tahun demi tahun, kita menyaksikan ribuan para graduan tempatan telah dilahirkan, sama ada melalui institusi-institusi pengajian tempatan mahupun luar negara. Negara sangatlah gembira dan berbangga memiliki generasi yang mampu menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran.

"Inilah antara hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu supaya negara berhasil melahirkan rakyat yang berpendidikan dan sekali gus berkemahiran tinggi. Jika ini benar-benar berhasil dicapai, maka itulah jawapan untuk merujuk kepada negara dan masyarakat 'maju'," ujar titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah Kebawah DYMM menyatakan, dalam masa kita bersuka ria menyambut Aidilfitri, kita hendaknya tidak melupakan nasib sebilangan umat Islam yang ditimpa musibah dan kesengsaraan, seperti umat Islam di bumi Palestin.

"Sebagai orang Islam yang beriman, kita patut memberi perhatian kepada sabda

Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat al-Bukhari maksudnya, "Bahawa tidak sempurna iman seseorang kecuali dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri".

"Sekurang-kurangnya kita mesti mendoakan mereka. Doa hanya sekecil-kecil ikhtiar untuk membantu saudara-saudara seagama, namun ia mustahak sebagai sifatnya 'senjata' bagi orang-orang yang beriman," tambah titah Kebawah DYMM.

Menyentuh mengenai sikap prihatin, baginda bertitah menyambut baik tema sambutan Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun ini, yang menekankan dua nilai kemanusiaan iaitu 'Pemedulian dan Prihatin' yang memang sudah menjadi darah daging kepada kita orang-orang Brunei, selaku warisan turun-temurun dari nenek moyang.

Bahkan, Kebawah DYMM bangga dengan penglibatan para belia kita melaksanakan pelbagai inisiatif kesukarelawanan seperti membantu golongan yang memerlukan di negara sendiri sehingga ke luar negara, misalnya mengumpulkan sumbangan dan pengendalian ke bumi Palestin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Beta ucapkan syabas kepada mereka.

Dalam pada itu, baginda gembira mengalu-alukan kehadiran penuntut-penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang dianggap mewakili

semua rakan pelajar lain yang sama-sama terlibat melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Amatlah sesuai mereka ini diketengahkan sebagai peserta dalam sambutan tahun ini.

WAKTU SEMBAHYANG										
April	HARI	Syawal	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	RABU	14	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
25	KHAMIS	15	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	JUMAAT	16	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
27	SABTU	17	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
28	AHAD	18	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	ISNIN	19	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	SELASA	20	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

24 APRIL 2024

Berjimat cermat semasa menggunakan air

ALHAMDULILLAH kita amat bertuah dan sangat bersyukur kerana dianugerahkan berbagai-bagai nikmat hidup di bumi Darussalam ini. Antara nikmat terbesar yang kita nikmati ialah sumber air bersih. Air merupakan sumber kehidupan yang paling berharga dan menjadi asas kehidupan seharian untuk setiap makhluk di muka bumi ini. Di Negara Brunei Darussalam (NBD) kita amat beruntung kerana dikurniakan sumber air bersih yang mencukupi untuk kegunaan rakyat dan penduduk serta bagi aktiviti-aktiviti sosioekonomi seperti pertanian, perikanan, perindustrian dan sebagainya.

Dengan adanya bekalan air bersih ini kita di NBD hendaklah mengamalkan sikap berjimat cermat ketika menggunakan air kerana berjimat cermat adalah amalan yang mulia. Hal ini kerana pihak kerajaan menyediakan prasarana dan kemudahan air yang bernilai berjuta-juta ringgit untuk membersihkan, merawat dan membekalkan air ke rumah-rumah dan premis-premis di negara ini.

Oleh itu, selaku rakyat dan pengguna yang bertanggungjawab, kita hendaklah sentiasa memantau penggunaan air melalui bil air dan menjelaskan dalam tempoh yang diberikan terutama jika ada bil yang tertunggak untuk mengelakkan ia menjadi beban kemudian hari.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini ada mengingatkan kita bagaimana cara dan usaha yang boleh dilakukan dalam memanfaatkan nikmat air, antaranya sebagai ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak sejak kecil agar tidak membazir air seperti menerapkannya dalam rutin harian seperti semasa memberus gigi dan mandi. Selain saling menegur ahli keluarga dalam mengamalkan tabiat baik dan betul semasa menggunakan air seperti tidak membiarkan paip air terbuka dan mengalir di singki ketika sedang membuat persiapan juadah untuk keluarga.

Di samping itu, kita juga boleh menggunakan tangki tadahan untuk menyambut air hujan juga adalah antara alternatif lain dalam penjimatan air, di mana air hujan boleh digunakan bagi menyiram pokok bunga, membersihkan kawasan rumah, longkang, garaj dan seumpamanya. Oleh itu, gunakanlah air dengan lebih bijak dan jangan membazir atau berlebihan ketika menggunakannya. Hal ini kerana ia boleh merugikan individu mahupun negara.

Sifat membazir secara umumnya adalah satu sifat yang dicela. Hal ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala tidak menyukai orang-orang yang membazir dan berlebih-lebihan seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Araf, ayat 31 tafsirnya : "Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Oleh itu, marilah kita meningkatkan kesedaran betapa pentingnya air dalam kehidupan seharian di samping mengubah sikap dengan mengambil langkah berjimat cermat dalam penggunaan air. Gunakanlah air mengikut kadar diperlukan sahaja dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan bagi membersihkan, merawat dan membekalkan air untuk kegunaan setiap hari. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منترى دان دجيتق اوله قرين قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI YSHHB PENUH KECERIAAN, KEMERIAHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan atas).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengumpulkan para peserta daripada latar belakang yang berbeza setiap tahun dalam

memberikan kesempatan kepada mereka untuk bersua muka dan beramah mesra dengan raja yang sangat dikasihi dan menyebarkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam suasana

yang lebih mesra dan meriah.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran YSHHB berlangsung pagi tadi dengan cukup meriah dan penuh dengan warna-warni yang mengetengahkan kumpulan masyarakat yang dikenal pasti dapat memberikan kepentingan dalam menjana kesejahteraan,

kebajikan dan kepentingan kepada agama, raja, bangsa dan negara.

Berangkat bercemar duli memeriahkan lagi majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas, kiri sekali, kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

>> Muka 3

Berangkat sama paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah

binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Turut berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja yang lain di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku

Timbalan Pengerusi I Jemaah Tadbir YSHHB; dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; dan Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Majlis yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) ini merupakan kali ke-20 dianjurkan oleh YSHHB sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2003. Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Diikuti dengan sembah alu-aluan disampaikan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Pada kemuncak majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Acara kemudian diteruskan dengan tayangan video bertajuk 'Membangun Generasi Pemimpin: Membudayakan Belia Pemeduliaan dan Prihatin' yang antara lain memaparkan penglibatan aktif para pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan dalam sama-sama membantu menangani isu-isu pembangunan sosial selari dengan pendekatan senegara yang mantap Whole of Nation Approach bagi mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (atas kiri dan atas kanan), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Persembahan Pentas daripada para pelajar Sekolah YSHHB.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Video tersebut turut memuatkan segmen khas iaitu kurnia sabda-sabda paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah;

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sabda-sabda paduka-paduka anakanda baginda itu membawa mesej inspirasi kepada para golongan belia untuk mengambil peranan dan tampil bersedia untuk menyumbang khidmat masa, idea dan tenaga mahu pun material dalam apa jua program kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

Di samping, penglibatan aktif paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam program-program kesukarelawanan dan kemasyarakatan juga dapat

memberikan inspirasi dan contoh tauladan terbaik kepada golongan muda belia di negara ini.

Majlis kemudiannya turut diserikan dengan Persembahan Pentas daripada para pelajar Sekolah YSHHB iaitu gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar Sekolah YSHHB.

Sejurus selesai, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain seterusnya berkenan beramah mesra dengan semua peserta yang hadir.

Sebelum berangkat

meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi menyaksikan pameran dan beramah mesra bersama para peserta. Bersesuaian dengan tema dan kategori peserta yang diketengahkan dalam sambutan pada tahun ini, pameran disertai oleh sebanyak 12 buah institusi pengajian tinggi tempatan yang mempamerkan program kesukarelawanan dan kemasyarakatan yang dikendalikan oleh para pelajar di institusi masing-masing.

YSHHB juga turut sama mempamerkan program kesukarelawanan yang melibatkan penyertaan para belia tempatan selaras dengan salah satu tujuan penubuhan YSHHB iaitu bagi mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat. Di samping memberi kesempatan peluang kepada para peserta untuk beramah-mesra dengan raja yang sangat dikasihi, majlis ini juga setentunya akan memberi inspirasi dan perangsang kepada para peserta dalam melaksanakan peranan mereka masing-masing.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan (atas kiri dan atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra dengan semua peserta yang hadir (atas, bawah dan bawah kanan).



MEMPERKASA SIKAP KESUKARELAWANAN DALAM KALANGAN BELIA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi merupakan sambutan untuk kali ke-20 ia diadakan sejak acara tersebut mula dilaksanakan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bermula pada tahun 2003.

Pada setiap tahun YSHHB telah mengetengahkan tema dan kategori peserta daripada latar belakang yang berbeza.

Setiap kategori peserta yang dipilih adalah daripada kumpulan masyarakat yang telah dikenal pasti dalam menjana dan memacu kesejahteraan dan kepentingan agama, bangsa dan negara melalui peranan mereka masing-masing.

Perkara itu diketengahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB Tahun 1445H / 2024M di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, pagi tadi.

Yang Berhormat menyampaikan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tema Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini adalah 'Membudayakan Belia Pemedulian dan Prihatin' yang bertujuan untuk memupuk, membudayakan dan memperkasakan sikap kesukarelawan dan kemasyarakatan dalam kalangan para belia.

Tema tersebut menitikberatkan keperluan untuk memupuk dan membudayakan sikap kesukarelawan dan kemasyarakatan dalam kalangan para penuntut ke arah melahirkan modal insan yang holistik dan

seimbang dari segala aspek hidup yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

"Disembahkan salah satu golongan belia yang diketengahkan untuk mendukung tema tersebut dan dijemput sebagai peserta pada majlis sambutan ini adalah terdiri daripada para penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang aktif dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan dalam apa jua bidang seperti kebijakan, keagamaan, keusahawanan, teknologi, alam sekitar dan lain-lain," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam sembahnya juga menggariskan seramai 750 orang pelajar daripada 12 buah institusi pengajian tinggi tempatan dan sebahagian lagi terdiri daripada sukarelawan belia dijemput hadir selaku peserta dan akan mempamerkan aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan di majlis tersebut.

Juga ditampilkan ialah belia-belie yang pernah menerima anugerah-anugerah kebangsaan dan serantau di bidang kesukarelawan dan kemasyarakatan.

Keterlibatan para penuntut dalam program kesukarelawan dan kemasyarakatan jelas Yang Berhormat lagi, ternyata mampu memperkasa kecerdasan rohani dan emosi mereka agar mempunyai semangat jati diri dan berdisiplin yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai murni dan akhlak mulia sebagai anak Brunei pewaris bangsa yang bertanggungjawab dan tidak *camah* mata dalam sama-sama membantu menangani isu-isu pembangunan sosial selari dengan pendekatan senegara atau Whole of Nation Approach yang mantap.

Para penuntut juga tambahnya merupakan golongan belia yang berpendidikan yang merupakan aset bernilai negara yang bakal menerajui kepimpinan masa hadapan bagi menjana kemajuan pembangunan ugama, bangsa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

dan negara.

"Mereka ini, kita dan negara harapkan dapat memberikan contoh tauladan terbaik dan inspirasi kepada masyarakat umum," sembah Yang Berhormat.

Dalam sembah alu-aluannya juga, Yang Berhormat turut mengongsikan antara pengisian atur cara majlis yang turut diserikan ialah acara persembahan yang disertai oleh seramai seratus 165 orang penuntut-penuntut dari Sekolah YSHHB.

Terdahulu Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya turut merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di atas limpah kurnia perkenan kedua-dua baginda bercemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB yang penuh keberkatan dan keceriaan bersama kerabat diraja dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyampaikan, sesungguhnya keberangkatan baginda berdua ke majlis ini berserta kerabat-kerabat diraja merupakan suatu kurnia yang sangat bermakna dan disanjung

tinggi dalam memberikan suntikan semangat kepada *abishamba* Kebawah Duli Tuan Patik di Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik untuk mengungkayahkan majlis berkebakikan ini pada setiap tahun.

Limpah kurnia perkenan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat ke majlis tersebut berserta kerabat-kerabat diraja yang lain juga sembahnya, merupakan sesuatu yang amat bermakna dan istimewa bagi memberikan peluang keemasan kepada para peserta dan jemputan-jemputan lain untuk bersua muka, beramah mesra serta menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM sebagai seorang raja berdaulat yang sangat dikasihi.

"Amat istimewa lagi dan sangat dinanti-nantikan adalah bagi mengamati, menghayati dan seterusnya menandai kurnia titah Kebawah Duli Tuan Patik yang penuh hikmah, nasihat dan panduan menjadi pemangkin semangat kepada *abishamba* Kebawah Duli Tuan Patik dan hadirin dan hadirat lainnya dalam melaksanakan peranan masing-masing," sembah Yang Berhormat lagi.

Pada mengakhiri sembah alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan

II sekali lagi menyampaikan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bercemar duli ke majlis tersebut.

Di kesempatan itu juga, Yang Berhormat menjunjung perkenan Kebawah DYMM pada menyampaikan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis paduka-paduka anakanda baginda di atas kurnia perkenan di dalam sama-sama menjayakan penerbitan video khas sambutan kali ini dan juga di atas keberangkatan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ke majlis berkenaan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dalam sembah alu-aluannya.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB Tahun 1445H / 2024M di Pusat Persidangan Antarabangsa (atas dan kanan).



PERSEMBAHAN WARNA-WARNI MERIAHKAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI YSHHB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Keceriaan suasana Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, diserikan lagi dengan penglibatan golongan belia serta kanak-kanak yang turut sama mewarnai Persembahan

Pentas dengan membawakan tema 'Membudayakan Belia Pemeduliaan dan Prihatin'.

Berangkat bercemar duli memeriahkan lagi majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

Seramai 165 orang terdiri daripada para pelajar Sekolah YSHHB, iaitu gabungan dari Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), murid-murid sekolah rendah dan para pelajar sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Terdahulu, Persembahan Pentas dimulakan dengan Persembahan Nasyid, iaitu 'Selawat Allahul Kahfi' oleh murid-murid TASKA diikuti dengan Persembahan Koir dengan lagu berjudul 'Syukur'

yang dipersembahkan oleh para pelajar sekolah rendah.

Persembahan diteruskan lagi dengan tarian bertajuk 'Joget Sayang Di Sayang' oleh para pelajar sekolah menengah dan 'Ayam Didik dan Joget Penghibur' yang disebarkan oleh murid-murid TASKA.

Sambutan berkenaan juga turut dimeriahkan lagi dengan Persembahan Mukun dan juga Tausyeh.

Dalam pada itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa pelajar sekolah menengah mengenai penyertaan mereka dalam Persembahan Pentas sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024 Masihi anjuran YSHHB.

Pelajar Tahun 8, Awang Muhammad Daniey Akmar bin

Adi Akmar, ketika ditemui berasa sangat gembira dan teruja kerana diberi peluang untuk menyertai persembahan pada tahun ini.

Beliau yang menyertai buat kali kedua mengongsikan bahawa beliau telah pun membuat latihan selama beberapa minggu dan terlibat dalam tiga persembahan, iaitu tarian; *finale*; dan *grand finale*.

Sementara itu, pelajar Tahun 9, Dayang Nur Syasya Izzati binti Awang Abdul Motalif, juga menjelaskan penyertaannya ini adalah kali kedua dalam Persembahan Pentas tahun ini meskipun berasa gementar, namun dia berasa sangat gembira dan teruja kerana diberi peluang untuk membuat persembahan tarian bagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



PELAJAR Tahun 8, Awang Muhammad Daniey Akmar bin Adi Akmar dan pelajar Tahun 9, Dayang Nur Syasya Izzati binti Awang Abdul Motalif semasa ditemu bual.



KECERIAAN suasana Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi diserikan dengan penglibatan golongan belia serta kanak-kanak yang turut sama mewarnai Persembahan Pentas dengan membawakan tema 'Membudayakan Belia Pemeduliaan dan Prihatin' (atas, bawah tengah dan bawah kanan).

ANTARA pelajar sekolah berkenaan yang menyertai persembahan (atas dan bawah).



PENGLIBATAN BELIA DALAM KESUKARELAWANAN, AKTIVITI KEMASYARAKATAN DIKETENGAHKAN



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Bersesuaian dengan tema 'Membudayakan Belia Pemedulian dan Prihatin', sebanyak 12 buah institusi pengajian tinggi tempatan yang mempamerkan program kesukarelawan dan kemasyarakatan yang dikendalikan oleh para pelajar di institusi masing-masing menyertai

pameran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Antara institusi pengajian tinggi tempatan yang menyertainya adalah daripada Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB),

Politeknik Brunei (PB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (CCCT), Institut Kemuda dan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan pameran yang membawakan tema 'Membudayakan Belia Pemedulian dan Prihatin' (kiri), manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dijunjung bergambar bersama potret-potret baginda berdua.

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan pameran berkenaan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini. Berangkat sama menyaksikan pameran, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana

Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dalam pameran ini, YSHHB juga turut sama mempamerkan program kesukarelawan yang melibatkan penyertaan para belia tempatan selaras dengan salah satu tujuan penubuhan YSHHB iaitu bagi mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menyaksikan pameran yang mengetengahkan program kesukarelawan dan kemasyarakatan di mana sebanyak 12 buah institusi pengajian tinggi tempatan menyertai pameran tersebut (atas dan atas kiri), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja berkenan dijunjung bergambar ramai dan berinteraksi dengan lebih dekat bersama peserta-peserta pameran.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai.

>> Muka 8

Visi Sukarelawan YSHHB adalah mendukung dasar penubuhan YSHHB manakala, misinya iaitu menyediakan saluran ahli sukarelawan untuk tampil ke hadapan menyumbang khidmat bakti mereka.

Selain itu, pameran lain antaranya mengetengahkan Nadi Al-Qawi Al-Amin yang mula

ditubuhkan secara rasmi pada 22 Oktober 2022 selari dengan kewujudan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan (FPSK) Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Konsep penubuhannya adalah sebagai wadah platform persatuan pelajar di bawah FPSK KUPU SB dalam mengaplikasikan ilmu-ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran bagi melahirkan pelajar

KUPU SB.

Penubuhan ini menyasarkan segala bentuk aktiviti yang melibatkan khidmat kemasyarakatan dan kemanusiaan khususnya kebajikan dan kerohanian.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Kerja Bahagian Pameran, Dayangku Hajah Asiah binti Pengiran Haji Damit semasa ditemu bual

menjelaskan pameran ini mendedahkan dan melatih para belia di samping, menggalakkan dan mengumpulkan para belia untuk melakukan kerja-kerja sukarelawan dan kebajikan.

Beliau seterusnya berharap tema tahun ini akan dapat dimanfaatkan oleh para belia ke arah kerja pemedulian.

Manakala, Pensyarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Dayang

Nurfitrisha Aliesha binti Abdullah Chua dari Institut Kemuda berkata ianya merupakan kali keempat menyertai pameran yang dianjurkan oleh YSHHB.

Pada tahun ini, Institut Kemuda katanya, banyak melakukan aktiviti-aktiviti belia, menderma dan menolong orang yang susah. Melaluinya, tambahnya akan dapat mendedahkan para belia kepada masyarakat.



SEKITAR lawatan Kebawah DYMM ke pameran yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan berkenan menerima sembah penerangan daripada peserta-peserta pameran serta berinteraksi bersama pelajar-pelajar yang ikut serta dalam membuat persembahan (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



Perbadanan TAIB semarakkan Sambutan Hari Raya



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada perhimpunan Sambutan Hari Raya berkenaan (kiri sekali dan kiri).

Siaran Akhbar : Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

bin Abdullah selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir, Menteri-menteri Kabinet; Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; dan Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Awang Haji Md. Yusreza bin Haji Md. Yussin.

Perhimpunan Sambutan Hari Raya berkenaan menjadi bukti kepada kumpulan Perbadanan TAIB akan komitmen yang tidak berbelah bahagi syarikat berkenaan untuk memupuk dan mengekalkan hubungan yang teguh dengan pihak berkepentingan dan pekerja.

Selain itu, ia juga berfungsi sebagai platform untuk menyatakan rasa terima kasih kepada mereka yang telah memainkan peranan penting dalam kejayaan dan pertumbuhan kumpulan Perbadanan TAIB selama ini.

>> Muka 1

Hadir pada Sambutan Hari Raya berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew

ANTARA Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang hadir pada sambutan berkenaan.



Eratkan silaturahim melalui Sambutan Hari Raya

Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Bagi sama-sama meraikan bulan Syawal yang mulia ini, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Dewan Indah Biru, Taman Perindustrian Ringan Lugu.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi AITI.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Kuasa AITI; pegawai kanan kerajaan; wakil industri dan tetamu jemputan.

Sambutan berkenaan memberi peluang kepada AITI untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak berkepentingan atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi dan selaras dengan nilai membina komuniti yang lebih erat dan berhubung.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau **E-mel (query@spa.gov.bn)** serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IHP MAC 2024 MENUNJUKKAN PENURUNAN 0.5 PERATUS

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Mac 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding Mac 2023, didorong oleh indeks bukan makanan sebanyak 1.0 peratus.

Manakala, indeks makanan dan minuman ringan meningkat sebanyak 1.5 peratus.

Penurunan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya disebabkan oleh harga-harga pakaian dan kasut (13.1 peratus); dan perhubungan (2.8 peratus) khususnya perkhidmatan Internet.

Sementara itu, peningkatan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah didorong oleh kenaikan harga minuman ringan (10.8 peratus) khususnya minuman yang sedia untuk diminum; dan harga susu, produk tenusu dan telur (3.8 peratus).

Berbanding dengan bulan Februari 2024, IHP bagi Mac 2024 meningkat sebanyak 0.1 peratus yang didorong oleh indeks makanan dan minuman ringan; dan indeks bukan makanan masing-masing sebanyak 0.1 peratus.

Indeks makanan dan minuman ringan adalah didorong oleh harga ikan dan makanan laut (0.7 peratus); dan daging (0.4 peratus).

Manakala, indeks bukan makanan adalah disebabkan oleh kos rekreasi dan kebudayaan (1.4 peratus) khususnya pakej percutian dan umrah; dan pakaian dan kasut (1.2 peratus).


IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi Mac 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



SIDANG KEMUNCAK CPRN : PLATFORM KERJASAMA, PERKONGSIAN PENGETAHUAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa berucap pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak The 7th SEAMEO Centres Policy Research Network (CPRN) 2024 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

>> Muka 1

Perkara berkenaan telah ditekankan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin

Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak The 7th SEAMEO Centres Policy Research Network (CPRN) 2024 bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pagi tadi.

Melalui usaha penyelidikan dan sokongan pusat tersebut jelas Yang Berhormat, Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH menyumbangkan wawasan dan cadangan berharga untuk memaklumkan kepada pembuatan dasar berasaskan bukti dalam pendidikan.

Menurut Yang Berhormat lagi, Sidang Kemuncak CPRN menyediakan platform kerjasama dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH dan pihak yang berkepentingan.

"Dengan datang bersama-sama untuk bertukar-tukar idea dan amalan terbaik, kita boleh mengukuhkan usaha kolektif yang ada untuk menggalakkan kemasukan dan menyediakan

apa yang ada untuk cabaran dan peluang masa depan.

"Tidak syak lagi bahawa setiap wakil dan para peserta yang terlibat dalam sidang kemuncak ini boleh mengambil idea-idea novel yang boleh mengukuhkan sedia ada atau membina inisiatif tempatan baru, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan," katanya.

Yang Berhormat tahu, Negara Brunei Darussalam, pihaknya berminat untuk memperbaiki inklusif polisi dan program dalam pendidikan, sains dan budaya.

Selain itu, kata Yang Berhormat, kita juga boleh mengambil bahagian secara aktif dalam usaha untuk membina Asia Tenggara yang bersedia untuk masa depan.

"Sebagaimana seperti Asia Tenggara yang kaya dengan pelbagai warisan dan nilai budaya, saling hormat dan memahami bangsa-bangsa lain telah menjadi penting kepada integrasi serantau dan kerjasama.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

"Kerjasama serantau lanjut melalui SEAMEO mempunyai potensi yang kuat untuk memastikan pembangunan serantau, dan asbab menangani inklusiviti memastikan bahawa semua individu, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi mereka, mempunyai peluang yang sama untuk mengakses kualiti pendidikan, terlibat dalam penyelidikan saintifik, dan mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat, dasar dan inisiatif inklusif tidak tanpa cabarannya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kita perlu mengakui bahawa terdapat akses terhad kepada data yang boleh dipercayai dan penyelidikan, kekangan kapasiti dalam penyelidikan dan analisis dasar, dan keutamaan bersaing dan kepentingan dalam kalangan pihak berkepentingan.

Selain itu ujar Yang Berhormat,

perbezaan budaya dan kontekstual dalam kalangan negara anggota mungkin memerlukan kesesuaian pendekatan dan strategi untuk menangani spesifik cabaran yang berkesan.

"Sidang Kemuncak CPRN 2024 memberikan platform wacana profesional dan rangkaian strategik untuk maju ke hadapan dan kemajuan dasar dan inisiatif secara kolektif.

"Saya menggalakkan semua peserta untuk terlibat secara aktif dalam perbincangan dan pameran sepanjang sidang kemuncak ini.

"Saya juga mengingatkan agar memanfaatkan kepakaran kolektif yang ada dan sumber untuk membangunkan penyelesaian inovatif yang akan memperkasa semua individu untuk berkembang maju, merapatkan perbezaan sosioekonomi dan teknologi, sementara memelihara keunikan budaya dan mengukuhkan kerjasama serantau," ujar Yang Berhormat lagi.

Mewujudkan kepentingan akses saksama kepada pendidikan, sains, budaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH menganjurkan Sidang Kemuncak The 7th SEAMEO Centres Policy Research Network (CPRN) 2024 selama tiga hari bermula hari ini bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sidang Kemuncak CPRN 2024 mengumpulkan pembuat dasar, penyelidik, pendidik dan pihak berkepentingan daripada pelbagai negara termasuk Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Thailand, Viet Nam, Bhutan, Jepun, Hong Kong dan Finland untuk membincangkan topik penting dalam penyelidikan dasar di bawah tema 'Mengambil Inklusiviti dalam Pendidikan, Sains, dan Kebudayaan' (Embracing Inclusivity in Education, Science, and Culture).

Sidang kemuncak berkenaan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Pengarah Sekretariat SEAMEO, Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim; Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Ahli SEAMEO dan Negara-negara Ahli Bersekutu ke NBD; Setiausaha Tetap; Pengarah; Timbalan Pengarah; para pegawai SEAMEO VOTTECH dan wakil-wakil daripada pelbagai kementerian dan institusi.

Sidang Kemuncak CPRN mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH termasuk kementerian-kementerian dan rakan kongsi yang terlibat dalam menjayakan acara berkenaan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir pada Sidang Kemuncak The 7th SEAMEO Centres Policy Research Network (CPRN) 2024 (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada sidang berkenaan.

Antara penyampai ucaptama ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, yang membentangkan tajuk 'Sains Inklusif untuk Kemajuan Serantau' yang telah diselitkan ke dalam salah satu tema utama sidang kemuncak.

Sebagai kemajuan Asia Tenggara, Sidang Kemuncak CPRN 2024 turut menekankan kepentingan akses yang saksama kepada pendidikan

berkualiti, sains, dan budaya, tanpa mengira latar belakang individu, jantina, etnik, dan lain-lain.

Sebagai hasil daripada dialog berkenaan dan rangkaian penyelidikan dasar, dihasratkan hasil yang dikemukakan akan merangkumi saranan pembangunan dasar, sokongan bagi usaha penyelidikan yang berterusan dan penyebaran hasil kajian daripada kertas-kertas yang telah dihantar.



Tingkatkan kemahiran Muslimah sampaikan lagu dakwah, puisi Islam



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi hadir selaku jemputan khas pada acara berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Dalam menyambut Aidilfitri pada bulan Syawal ini dengan penuh kesyukuran, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang dalam melaksanakan program keagamaan bagi para tenaga pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah bagi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.

Program yang diadakan di masjid berkenaan, antara lain bertujuan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam menyampaikan lagu-lagu dakwah dan bacaan puisi Islam.

Di samping itu, memberi peluang kepada para tenaga pembimbing dan Muslimah untuk ikut serta dalam program keagamaan.

Acara berkenaan juga dihasrat dapat menyemai rasa kasih sayang dan keakraban dalam kalangan tenaga pembimbing dan Muslimah bersama jemputan khas sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

Antara jemputan khas yang hadir pada acara berkenaan, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Juga hadir, isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); dan isteri Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

Acara turut diserikan dengan persembahan keagamaan termasuk bacaan selawat, zikir, tausyeh, nasyid dan puisi Islam yang disampaikan oleh para tenaga pembimbing dan Muslimah.

Galak berkarya melalui amalan membaca

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2024 ini merupakan antara usaha besar dan strategik DBP untuk memberikan inspirasi kepada masyarakat dalam mencintai buku dan gemar membaca khususnya dalam kalangan kanak-kanak.

Usaha ini juga merupakan upaya jabatan dalam menekankan lagi kepentingan membaca sebagai jambatan ilmu kepada semua masyarakat. Antara objektif sambutan ini diadakan adalah untuk memperkasa budaya membaca yang berterusan dalam kalangan masyarakat, menggalakkan masyarakat terutama kanak-kanak meneroka dan menikmati keseronokan membaca buku, mendedahkan kepada generasi muda tentang peri pentingnya membaca buku, menggalakkan masyarakat berkarya melalui

amalan budaya membaca yang dapat membina keyakinan diri dan mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi apabila berhadapan dengan khalayak ramai.

Sambutan ini juga bertujuan untuk menyuntik budaya membaca terutamanya generasi muda dan menanamkan sikap cintakan ilmu melalui aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan.

Majlis juga diserikan dengan sebuah Program Ceramah Motivasi bertajuk, 'Seindah Bicara' yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata kepada panel ceramah motivasi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2024.

Hassan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Hairani binti Haji Awang Damit; pengarah-pengarah di bawah KKBS, pengetua dan guru besar, para penuntut,

penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, penulis dan penggiat sastra tanah air.

PEMANGKU Timbalan Pengarah DBP, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus dalam ucapan alu-aluannya.



UBD, GO RUSH EXPRESS WUJUDKAN PERKONGSIAN STRATEGIK



NAIB Canselor UBD dan Pengarah Urusan Go Rush Express semasa hadir dan seterusnya menandatangani Memorandum Persefahaman yang bertujuan bagi pengantarabangsaaan pengajian tinggi (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Selasa, 23 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Go Rush Express menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) pada majlis yang berlangsung di UBD, hari ini.

MoU tersebut menandakan permulaan perkongsian penting yang bertujuan bagi pengantarabangsaaan (*internationalisation*) pengajian tinggi. Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan Pengarah Urusan, Danny Chua menandatangani bagi pihak Go Rush Express.

Dengan termeterainya MoU tersebut mewujudkan asas kerjasama dalam penyelidikan, pendidikan dan program latihan yang mempunyai kepentingan bersama kepada kedua-dua belah pihak. Ia juga merupakan satu langkah strategik ke arah mempertingkatkan peranan logistik dalam ekonomi negara, khususnya sejajar dengan objektif Wawasan

Brunei 2035.

"Di Negara Brunei Darussalam, Sektor Logistik diiktiraf sebagai asas untuk kestabilan dan pembangunan ekonomi negara, selaras dengan objektif Wawasan Brunei 2035," jelas Pengarah Urusan Go Rush Express yang juga menekankan peranan kritikal logistik dalam pembangunan negara.

Dalam ucapan Naib Canselor UBD pula menekankan faedah akademik perkongsian antara UBD dan Go Rush Express. "Perkongsian itu akan memainkan peranan penting dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, agenda negara yang bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang terkenal dengan penduduknya yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi.

"Kerjasama tersebut bukan sahaja akan menumpukan pada kemahiran teknikal tetapi juga untuk memupuk kemahiran kritikal yang diperlukan untuk pekerjaan masa depan, seperti kepimpinan,

daya tahan, inovasi, kreativiti dan penyelesaian masalah yang kompleks," ujar Naib Canselor UBD.

Kerjasama berkenaan merangkumi beberapa inisiatif penting yang bertujuan untuk memupuk kerjasama dan memajukan persefahaman antarabangsa. Inisiatif ini merangkumi pembangunan program kerjasama khusus, menyediakan peluang latihan untuk pelajar UBD pada setiap semester sebagai sebahagian daripada Program Discovery Year (DY) dan komitmen oleh Go Rush Express untuk menawarkan enam jawatan tahunan kepada graduan UBD yang pakar dalam logistik dan 'Supply Chain', pemasaran, kewangan dan IT.

Selain itu, kerjasama itu bertujuan untuk meneroka penyelidikan bersama yang berpotensi dalam bidang kepentingan bersama, meningkatkan lagi pengalaman pendidikan dan praktikal untuk pelajar dan fakulti.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

UNISSA INTERNATIONAL DAY PERKUKUHKAN UKHUWAH, RAIKAN PELBAGAI BUDAYA



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai pada UNISSA International Day.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Isnin, 22 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) adalah destinasi pengajian bagi 153 pelajar antarabangsa daripada 27 buah negara, di mana 16 orang daripadanya ialah pemegang Biasiswa Kerajaan Brunei Darussalam (BDGS) dan 137 orang ialah pelajar persendirian.

Dalam meraikan pelbagai budaya dan latar belakang serta mengeratkan lagi silaturahim antara mahasiswa dan mahasiswi antarabangsa dan tempatan UNISSA melalui perkongsian adat tradisi negara, dan juga pengalaman sepanjang menuntut ilmu di UNISSA, Unit Hal Ehwal Antarabangsa (UHEA), Majlis Perwakilan Pelajar, UNISSA telah

mengadakan UNISSA International Day pada Sabtu, 20 April 2024 dengan tema 'Sehati Sejiwa Al-Wafidun'.

Acara dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis, pegawai-pegawai utama, pensyarah serta mahasiswa-mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Abdulslam Jaidee, mahasiswa Tahun 3 Fakulti Syariah dari Thailand.

Turut memeriahkan acara ialah forum sesi perkongsian pelajar antarabangsa yang disampaikan oleh panel forum yang terdiri daripada Dayang Mardhiah binti

Rozalan, mahasiswi Tahun 4 Fakulti Syariah dari Singapura; Awang Mohamed Kouda, mahasiswa Tahun 1 Sarjana Bahasa Arab berasal dari Togo dan Awang Faisol, mahasiswa Tahun 3 Fakulti Syariah dari Thailand.

Acara diisikan dengan pameran kebudayaan daripada negara-negara asal pelajar antarabangsa di UNISSA, iaitu Singapura, Indonesia, Thailand, Mesir, China, Jepun, Pakistan, Palestin, Nepal, Morocco, Nigeria, Ghana, Kenya dan Gambia. Antara yang ditampilkan ialah pakaian, makanan dan juga permainan tradisional.

Acara turut diserikan dengan tayangan video dan Persembahan Choral Speaking dan sketsa daripada pelajar antarabangsa.



REKTOR UNISSA semasa bergambar ramai dan menyaksikan pameran kebudayaan daripada negara-negara asal pelajar antarabangsa di UNISSA (atas dan bawah).



RALAT

BERLAKU kesilapan pada berita kes mahkamah keluaran Pelita Brunei, Isnin, 22 April 2024 yang bertajuk, 'Seorang lelaki tempatan dipenjara akibat curi' muka surat 19 di mana jumlah wang yang dicuri oleh defendan adalah sebanyak BND200 dan bukan seperti yang disiarkan. Selain itu, defendan juga bertugas sebagai Telefon Operator di Jabatan Pembangunan Masyarakat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kesilapan adalah tidak disengajakan dan amat disesali. - Penyunting.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAHAN ALLAH

كلولأن قوسه دعوه اسلاميه

TRADISI ziarah-menziarahi pada Hari Raya Aidilfitri adalah peluang terbaik bagi kita untuk bersilaturahim iaitu mengeratkan hubungan tali persaudaraan dan kekeluargaan. Menghubungkan silaturahim bererti berbuat baik kepada semua yang ada pertalian kekeluargaan di antara kita, bersegera menolong jika mereka memerlukan bantuan dan menjaga perasaan mereka dengan sikap lemah lembut.

Tentunya bersilaturahim pada Hari Raya sangat dituntut dalam maknanya yang luas iaitu saling bermaaf-maafan atas segala kesalahan yang pernah dilakukan, saling membersihkan hati atas dasar kerabat dan nasab keturunan, serta saling memperbaiki hubungan persaudaraan atas landasan keimanan dan ketakwaan. Perkara ini selaras dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala

Eratkan hubungan silaturahim

dalam Surah Fushshilat, ayat 34, yang mafhumnya :

"Dan tidaklah sama (antara) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang dilakukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik sehingga orang yang bermusuhan denganmu akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib".

Menjadi kewajiban setiap umat Islam untuk berlaku baik dan mengambil berat kepada semua yang ada hubungan kekeluargaan. Inilah yang disebut menghubungkan silaturahim sama ada hubungan pertalian darah atau suami. Apabila sesuatu hubungan silaturahim itu terputus, maka hendaklah diusahakan cara-cara yang terbaik bagi menghubungkannya kembali.

Sebagaimana kita sedari bahawa dalam pergaulan seharian sesama manusia selalu diwarnai dengan pelbagai perkara sesuai dengan situasi dan keadaan. Ada kalanya baik ada kalanya buruk, kadang-

kadang damai kadang-kadang berlaku pergaduhan. Implikasi dari hubungan seharian ini tidak selamanya menyakitkan sehingga menimbulkan kebencian, begitu juga tidak selamanya menyenangkan perasaan sehingga menimbulkan kesukaan, malah pada saat-saat tertentu tindakan menurut hawa nafsu boleh saja menguasai diri kita. Kita percaya, bahawa Hari Raya Aidilfitri adalah masa yang tepat untuk meleraikan atau paling tidak meredakan ketegangan hubungan antara sesama kaum Muslimin. Perkara ini sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat, ayat 10 :

"Sesungguhnya orang-orang beriman itu adalah bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

Bersilaturahim adalah amalan yang dituntut dalam Islam, melalui amalan ini kita akan mendapatkan fadilat dan kelebihan. Sebagaimana dalam sebuah hadis oleh

Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Ibnu Shihab dia berkata Anas bin Malik telah memberitahu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Barang siapa yang ingin diperluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah mengeratkan persaudaraan".

Oleh yang demikian, eratkanlah silaturahim dan jauhkanlah perkara yang boleh memutuskannya. Jika terdapat masalah sesama kita, tanganilah dengan perasaan rasional dan eratkanlah semula perhubungan itu dengan rasa kesedaran serta keinsafan. Binalah ikatan silaturahim dalam apa jua kesempatan. Mungkin suasana Hari Raya Aidilfitri ini merupakan kesempatan yang terbaik untuk menjalin semula hubungan yang telah terputus. Sama-samalah kita berdoa semoga ikatan silaturahim sesama kita akan sentiasa terjalin, dan kita semua akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*



Bilangan Sebut Harga :
AME / 2024-2025 / SH-17

Tajuk Tawaran. 1

Kontrak bermusim bagi kerja-kerja pemotongan serta pembersihan rumput, longkang dan pokok di kawasan Airside Whiskey 2 / Whiskey 3, Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 1 tahun (12 bulan) (Kelas I dan II)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**
24 April 2024, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
14 Mei 2024, Selasa

Tarikh Tutup Tawaran:
15 Mei 2024, Rabu
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JPt / TAW / 03 / 2024 - 2025:
Penyediaan Bekalan Elektrik
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Junjongan

(Yuran Tawaran BND500.00 /
Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mei 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



1. **DA / JKSH / 19 / 2024 / 2025**
[BPPA-APRIL-2024]
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI :
MAKTAB DULI PENGIRAN
MUDA AL-MUHTADEE
BILLAH, GADONG
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']
Harga Sewa Kantin : BND1,097.00

2. **DA / JKSH / 20 / 2024 / 2025**
[BPPA-APRIL-2024]
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI :
SEKOLAH MENENGAH PEHIN
DATU SERI MAHARAJA, MENTIRI
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']
Harga Sewa Kantin : BND 612.00

3. **DA / JKSH / 21 / 2024 / 2025**
[BPPA-APRIL-2024]
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI :
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN
PEKERMA SETIA DIRAJA
SAHIBUL BANDAR, GADONG
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
Harga Sewa Kantin : BND 269.00

4. **DA / JKSH / 22 / 2024 / 2025**
[BPPA-APRIL-2024]
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI :
SEKOLAH RENDAH MABOHAI
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
Harga Sewa Kantin : BND 231.00

5. **DA / JKSH / 23 / 2024 / 2025**
[BPPA-APRIL-2024]
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI :
SEKOLAH RENDAH
PANCHOR MURAI,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
Harga Sewa Kantin : BND 49.00

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 11 Mei 2024
(Jam 9.00 Pagi)



Dibukakan Kepada
"Civil & Structural" Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan

**Tarikh Mula Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 April 2024

Bilangan:
JPt / TAW / RFQ / 01 / 2024 - 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
Civil & Structural Engineering
Consultancy Services For The
Provision Of Infrastructure To
Improve Agricultural Industry In
Agricultural Development Area
(KKP) Tungku B.

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Non-Refundable)

**Tarikh Mula Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 April 2024

Bilangan:
JPt / TAW / RFQ / 02 / 2024 - 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
Civil & Structural Engineering
Consultancy Services For The
Provision Of Infrastructure To
Improve Agricultural Industry In
Agricultural Development Area
(KKP) Batang Mitus.

Yuran Tawaran :
BND 100.00
(Non-Refundable)

**Tarikh Mula Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 April 2024

Bilangan:
JPt / TAW / RFQ / 03 / 2024 - 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
Civil & Structural Engineering
Consultancy Services For The
Provision Of Infrastructure To
Improve Agricultural Industry In
Agricultural Development Area
(KKP) Meranking B.

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mei 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



JPt / TAW / 02 / 2024 – 2025 :

MEMBEKAL BAJA NPK 15:15:15
SEBANYAK 2,660 BEG
(50KG/BEG) BAGI BANTUAN
INSENTIF JABATAN.

(Yuran Tawaran BND30.00 /
Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mei 2024
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang



Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu Mukim Tingkat III
PMKK.4
(BND3,880.00 - BND4,240.00)**

**Bagi
Daerah Tutong**

- Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong dengan
sukacitanya mempelawa dan
menjemput penduduk-penduduk
yang bermastautin di Daerah
Tutong untuk menghadapkan
pencalonan bagi mengisi jawatan
sebagai Penghulu Mukim
Rambai, Tutong.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**



Bilangan Tawaran:
MFA / PENT / 02 / 2024

Tajuk Tawaran :
"Membekal Dan Menghantar
Satu Buah Kenderaan
Baharu Double-Cab
Four-Wheel Drive (4WD)
Untuk Kementerian Hal Ehwal



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 02 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran :
Supply And Installation
Of New Carpet
To The Official Residence
Tutong District Officer,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 8 Mei 2024 Jam 2.00 Petang



Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

**Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah **pada
Sabtu, 25 Mei 2024, jam 4.00
Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian **+673
4222491**



Luar Negeri"

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 April 2024
Jam 2:00 Petang.



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 01 / 2024 – 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Install Lift Parts
For "Sigma" Passenger Lift
At Tutong District Office Building

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup
Menghadapkan Tawaran :
Rabu,
8 Mei 2024
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA PELANCONGAN

JPt / TAW / 01 / 2024 – 2025 :
Membekal Perkhidmatan
Pengawal Keselamatan Bagi
Kawasan-Kawasan Dan
Bangunan-Bangunan Jabatan
Pertanian Dan Agrimakanan (Ibu
Pejabat Dan Pejabat Lampaki),
Daerah Brunei Dan Muara
Selama Dua (2) Tahun

(Yuran Tawaran BND30.00 /
Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Mei 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Jabatan Ukur Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JUA / 02 / 2022
Upgrading And Migrating The
Current Geoportal Technology
To The Latest Version Hosted At
OGPC And NCDB With
Support And Maintenance
For Survey Department,
Ministry Of Development

Yuran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Jun 2024 bersamaan
26 Zulkaedah 1445H
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
UBD / E8 / 002 / 2024 – (T)

Tajuk Tawaran :
The Supply, Installation, And
Training Of A Selective Powder
Deposition-Based 3d Metal Printer
With The Provision Of Sintering
At The Faculty Of Integrated
Technologies (FIT),
Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran
(termasuk e-Dokumen)
BND15.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
30 April 2024, jam 2.00 Petang



Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

Atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

Daerah Tutong

- Kampung Petani,
Mukim Pekan Tutong
- Kampung Pengkalan Mau,
Bakiau dan Batang Mitus,
Mukim Kiudang
- Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 2, Mukim Telisai
- Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 4, Mukim Telisai



- Kampung Layong,
Mukim Lamunin
- Kampung Merimbun,
Mukim Rambai

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut :-

Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 25 Mei 2024, jam 4.00
Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
4222491



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 01 / 2024 / 2025
(AKS-APRIL-2024)

Keterangan :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan
Keselamatan Ke Atas
Bangunan Sekolah-Sekolah
Dan Maktab-Maktab,
Kementerian Pendidikan Bagi
Pusat Tingkatan Enam Belait,
Daerah Belait,
Kementerian Pendidikan,



Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Perkhidmatan
Tiga [3] Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Open

Kategori :
KPB11 / KPB11A
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 30 April 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024,



Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 10 / STE / 2024-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Struktur
dan Endapan Tanah Bagi
Sekolah Rendah Kiarong

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI ANJURAN UNISSA SAJIKAN JUADAH PELBAGAI NEGARA



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M yang berlangsung di Dewan Gymnasium, Kampus Gadong, UNISSA.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Isnin, 22 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M telah berlangsung di Dewan Gymnasium, Kampus Gadong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini.

Sambutan pada tahun ini diterajui oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UNISSA di mana pejabat, fakulti, pusat, bahagian di UNISSA dibahagikan kepada enam stesen makanan bertema seperti masakan Thailand, Brunei, Indonesia dan Oriental.

Pada tahun ini, kombinasi dirombak dari formasi sebelumnya untuk membuka ruang kerjasama baharu di antara pejabat, fakulti dan pusat di UNISSA.

Setiap stesen atau kluster menyediakan jamuan makanan dan minuman bagi 150 orang di samping menu makanan yang ditetapkan.

Di samping itu, pihak pejabat, fakulti, pusat, bahagian digalakkan untuk membawa makanan lain seperti makanan ringan dan kuih muih.

Bekalan darah diperlukan segera

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah pada tahap yang rendah.

Penderma darah bagi semua kumpulan darah adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Sehubungan dengan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Selasa, 23 April 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 1.30 petang bertempat di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Airport Lama sempena Hari Juruukur Sedunia anjuran Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; dan pada Sabtu, 27 April 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang bertempat di UNICORP Sdn. Bhd., Kawasan Perindustrian Beribi.

Sementara itu, Tabung Darah

Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong, juga akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Sabtu, 27 April 2024, bermula jam 9.30 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Dewan Belalong, Pekan Bangar, Temburong sempena Program Jerayawara 'Badudun Bersama Biskita' anjuran Jabatan Radio dan Televisyen Brunei.

Oleh itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 3.30 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah dan secara jumpa terus (*walk-in*) adalah sangat digalakkan.

Kenali Bahasa Brunei

Baparawis bermaksud sopan tentang percakapan, biasanya di hadapan orang tua-tua, orang atasan, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata : mun bacakap sama urang tua-tua ani **baparawis**, jangan kan salarah-larahnya karang kasubukan indung inda mangajar.

Pariau-pariau bermaksud sebutan kepada kumpulan kanak-kanak yang belum masuk golongan remaja.
Contoh pemakaian kata : sebas **pariau-pariau** dari sikulah randah atu kan malawat mujiun.

Taparikah bermaksud terupaya atau sanggup membuat kerja lain kerana terlalu sibuk.
Contoh pemakaian kata : inda lagi **taparikah** memasak tangahari atu, mana lagi kan mangantat mangambil anak sikulah.

Pasung-pasung bermaksud angin yang berpusing-pusing.
Contoh pemakaian kata : masa ari gulmat atu mambari ijab kan turun mamukat, nampak **pasung-pasung** di kuala sungai atu.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Sayur Cangkuk Manis dengan Labu Kampung Lambak

BAHAN-BAHAN :

1 ikat daun cangkuk manis
1/2 biji buah labu (saiz besar)
dipotong dadu
1 sudu makan udang kering (dikisar)
1/2 sudu makan belacan
Serbuk lada sulah
1 tin santan
1 biji bawang merah (dihiris)
2 ulas bawang putih (dihiris)
Serbuk perasa

Garam

Gula
Minyak untuk menumis

CARA MEMASAK :

Tuang sedikit minyak ke dalam kuali dan apabila panas, tumis bawang putih dan bawang merah yang telah dihiris. Masukkan udang kering yang dikisar berserta campuran belacan dan lada sulah. Tumis seketika.

Kemudian tuangkan air dan masukkan daun cangkuk manis sehingga separuh masak. Selepas itu masukkan buah labu dan tutup periuk. Gaulkan seketika sehingga sayur cangkuk manis dan labu benar-benar masak. Akhir sekali tuang santan dan bubuh garam, serbuk perasa dan gula secukupnya. Setelah mendidih tutup api dan siap untuk dihidang.

BENGKEL PENGHAYATAN DAN PENERAPAN IBADAH SOLAT TUTUP TIRAI



PEMANGKU Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Penghayatan dan Penerapan Ibadah Solat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para fasilitator bengkel berkenaan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Bengkel Penghayatan dan Penerapan Ibadah Solat anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah yang diadakan selama dua hari menutup tirainya petang tadi bertempat di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para fasilitator bengkel.

Majlis dihadiri seramai 95 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian-kementerian, Institusi Pengajian Tinggi dan orang-orang persendirian.

Dalam ucapan alu-aluan

kesempurnaan termasuk aspek rukun, syarat dan khusyuk, maka ia akan dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar.

Oleh itu jelasnya, kita perlu sentiasa berusaha untuk konsisten dalam melaksanakan solat sebagai bentuk ketaatan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, beliau berharap agar dengan penganjuran bengkel berkenaan akan memberikan nilai tambah ilmu yang menjurus kepada praktikaliti kehidupan beragama dalam kehidupan seharian dengan mengamalkan kepatuhan Maqasid Syariah khususnya dalam berkeluarga.

"Dari institusi keluarga yang menegakkan solat itulah nanti akan melahirkan kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat, berbangsa dan bernegara," katanya lagi.

Sementara itu, Awang Mohammad Sabry bin Haji Md. Yusof dan Dayang Norahtina Seriyati binti Haji Omar dari Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan dalam ucapan bagi pihak peserta bengkel, menyatakan rasa syukur atas penganjuran bengkel berkenaan kerana ia banyak memberi pencerahan yang intensif berkenaan bukan sahaja berkaitan mengerjakan solat sebagai ibadah wajib tetapi keutamaan memasang niat yang sebenar solat, iaitu mengerjakannya kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata.

Bengkel berkenaan juga banyak memberi kesan yang mendalam terhadap para peserta untuk sentiasa mengutamakan solat dalam segala hal kehidupan kerana melaluinya banyak kelebihan, fadilat dan rahsia yang hanya boleh dicapai oleh orang yang mengerjakan dengan ikhlas dan khusyuk.



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Antara objektif bengkel berkenaan diadakan adalah bagi meningkatkan motivasi peserta untuk lebih menghayati dan mengambil berat kewajipan mendirikan solat, implikasi kepada kesihatan dan kepentingannya kepada kehidupan berkeluarga seorang Muslim di dunia dan akhirat.

Selain itu, meningkatkan motivasi golongan ibu bapa dan mengongsikan kaedah penerapan pendidikan solat yang elektif dengan matlamat melahirkan keluarga yang sejahtera dan ahlinya berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam.

Sebanyak lapan modul bengkel dibentangkan oleh para akademik KUPU SB, iaitu Modul 1 : 'Pensyariatan Solat dan Fadilatnya' disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor Fakulti Usuluddin, Dr. Mikdar Rusdi; Modul 2 : 'Menghalusi Rukun Qauli Dalam Ibadat Solat' oleh Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Abang Hadzmin; Modul 3 : 'Penerapan Solat Sunat

Dalam Keluarga' disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah, Dr. Haji Sham; dan Modul 4 : 'Solat Orang Sakit' oleh Penolong Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Awang Rahman bin Haji Ajak.

Sementara itu, Modul 5 : '12 Perkara Ke Arah Kesempurnaan Solat' disampaikan oleh Dekan Fakulti Syariah, Awang Haji Mohd. Syahiran bin Haji Mohd. Sofian; Modul 6 : 'Solat Musafir' diketengahkan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan; Modul 7 : 'Solat dan Kesihatan Holistik' oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Dr. Ahmad Yunus bin Kasim; dan Modul 8 : 'Kesan Solat Ke Atas Kerukunan Rumah Tangga' disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Dr. Haji Harapandi bin Dahiri.

Maktab SOAS raikan pelajar cemerlang



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Seramai 90 pelajar Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Maktab SOAS bagi Sesi 2023 yang berlangsung di Auditorium, Maktab SOAS di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para pelajar ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan lagu maktab disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah

dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan Pengerusi Majlis, Awang Md. Azri bin Haji Sulaiman yang antara lain menjelaskan, majlis tersebut merupakan satu majlis khas untuk meraikan pelajar-pelajar yang mengesap kecemerlangan mereka dalam bidang akademik.

Tambahnya, adapun matlamat Majlis Hari Anugerah Akademik adalah untuk memberikan dorongan dan motivasi pada para penuntut agar terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pelajaran dan program-program yang berkaitan.

Penganugerahan seumpama ini jelasnya, diadakan secara tahunan bukan sahaja untuk memberikan penghargaan kepada penuntut-

PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada pelajar.

penuntut yang cemerlang tetapi juga kepada penuntut yang menunjukkan peningkatan atau kemajuan dalam pencapaian mereka.

Menurutnya lagi, banyak program, aktiviti dan teknik pengajaran telah dilaksanakan oleh pihak maktab bagi meningkatkan pencapaian sekolah pada tahun 2023, antaranya ialah dengan mengadakan kelas-kelas tambahan iaitu *tuition* dan *extra class*; sesi VIP bersama ibu bapa dan penjaga penuntut; program Road to Brilliance; inisiatif pendedahan pelajar kepada soalan-soalan 'O' Level/IGCSE dan Student Progress Examination (SPE) yang lepas; Bengkel Teknik Menjawab Soalan; Mass Intensive Revision; Reading Program; serta program-program motivasi yang dijalankan oleh Kaunselor Maktab.

Ini juga termasuk perkhemahan motivasi dua hari satu malam di Tapak Perkhemahan Hutan Simpan Berakas; program Target Setting; Program Principal-Counselor-Career (PCC); program-program keagamaan, program yang melibatkan agensi-agensi luar, pembelajaran teradun iaitu *blended*



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran.

learning dan Pengajaran dan Pembelajaran Dialogik.

Pihak maktab ujarnya, akan terus memantau pelaksanaan program dan membuat perbaikan agar ianya sentiasa relevan dalam membantu pihak maktab untuk melahirkan para pelajar yang cemerlang dan kompeten.

Pada majlis tersebut, seramai 71 orang penuntut telah mendapat keputusan 5 Kredit 'O' Level / IGCSE ke atas; tiga orang penuntut dari Tahun 8 telah mendapat keputusan cemerlang dalam Penilaian Kemajuan Pelajar (Student Progress Assessment-SPA); 15 orang penuntut telah berjaya menamatkan Kursus Pearson BTEC International Level 2 Extended Certificate in Hospitality;

dan seorang penuntut telah berjaya menamatkan program 5 tahun pravokasional.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sijil kepada guru-guru Tahun 8 dan Tahun 11 bagi setiap mata pelajaran yang telah mencapai sasaran peratus jumlah penuntut yang memperoleh kredit di dalam 'O' Level dan SPA, sijil penghargaan kepada guru-guru pravokasional serta guru BTEC in Hospitality bagi Sesi 2023.

Turut hadir, Pengetua Maktab SOAS, Awang Mohamed Santra bin Haji Bolhasan, Timbalan Pengetua Akademik Maktab SOAS, Awang Mohammad Zulhisham Shah bin Haji Napiah, dan Timbalan Pengetua Pentadbiran Maktab SOAS, Dayang Norliza binti Suhailee.

TINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM PENGURUSAN BENCANA



PENGARAH NDMC, Kolonel (B) Muhd. Harith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin hadir selaku tetamu kehormat berucap pada majlis berkenaan.

RIMBA, Isnin, 22 April. - Majlis Pembukaan Program Pemimpin Masyarakat telah diadakan di Dewan Auditorium, CAE-Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC), pagi tadi.

Program adalah merupakan salah satu inisiatif program bersama pemimpin masyarakat yang julung kali diadakan pada tahun ini oleh pihak Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah NDMC, Kolonel (B) Muhd. Harith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Kolonel (B) Muhd. Harith Rashidi pada majlis itu antara lain menjelaskan tujuan utama program ialah bagi mengukuhkan keupayaan pemimpin masyarakat dalam pengurangan risiko bencana ke arah membina masyarakat yang



PENGARAH NDMC, Kolonel (B) Muhd. Harith Rashidi bergambar ramai bersama para peserta Program Pemimpin Masyarakat.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

berdaya tahan bencana.

Menurutnya, matlamat ini mungkin nampak kecil akan tetapi NDMC bercita-cita tinggi bagi memupuk kerjasama, kepimpinan dan kedayatahan di peringkat akar umbi dalam pengurangan risiko bencana yang dihasrat akan dapat mewujudkan masyarakat yang lebih kuat dan berdaya tahan (*resilience*) bencana.

Beliau turut melahirkan rasa berbesar hati mengalu-alukan kehadiran para peserta program yang bertepatan dengan sasaran dikehendaki kepada pemimpin masyarakat atau pemimpin akar umbi.

Tegasnya, ini adalah bukti

komitmen dan dedikasi yang diberikan yang sudah setentunya memberi impak positif kepada masyarakat.

"Hari ini menandakan suatu permulaan yang menarik yang mana Program Pemimpin Masyarakat ini merupakan inisiatif baharu dan julung kali diadakan oleh NDMC.

Melalui program ini, saya difahamkan bahawa para peserta akan mengikuti bengkel pertukaran ilmu (*knowledge exchange workshop*) dan sesi dialog (*dialogue session*) yang mana ia dihasrat akan dapat membina perkongsian yang bermakna serta mencipta impak yang positif dan

berterusan," ujarnya.

Kolonel (B) Muhd. Harith Rashidi juga berharap agar para peserta akan dapat merebut peluang yang diberikan dalam program ini dengan mengambil bahagian secara aktif, berkongsi pandangan dan pengalaman serta buah fikiran dan idea-idea yang bernas.

Sepanjang program dijalankan, para peserta akan mengikuti Bengkel Pertukaran Ilmu dan Sesi Dialog dan berpeluang mendengar taklimat fungsi dan peranan agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana termasuk NDMC, Jabatan Daerah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kaji-cuaca, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Teknikal (Bahagian Kaji Tanah & Kaji

Selidik), Jabatan Kerja Raya dan Sekretariat Perubahan Iklim Brunei Darussalam.

Selain daripada itu aktiviti berkumpul dan pembentangan berkumpul juga diadakan dan para peserta juga berpeluang untuk membahaskan tajuk dialog yang diberikan bersama dengan para panel jemputan.

Lebih kurang 30 peserta telah mengikuti Program Pemimpin Masyarakat kali ini yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung selaku pemimpin masyarakat atau pemimpin akar umbi di negara ini.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Pengarah NDMC serta para pegawai kanan dan kakitangan dari NDMC dan agensi-agensi berkenaan.

5 peserta bakal berentap peringkat akhir Pidato Kebangsaan



PEGAWAI Bahasa, Dayang Masni binti Mokhtal semasa menyampaikan ucapannya.

BERAKAS, Selasa, 23 April. - Seramai lima peserta yang layak dipilih dan seterusnya berentap pada peringkat akhir Pertandingan Pidato Kebangsaan yang akan diadakan pada 7 Mei ini nanti.

Keputusan tersebut diumumkan sejeoras selesai bertanding pada peringkat saringan yang dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi bertempat di Bilik Pateh Berbai dan sesi petang di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas.

Pegawai Bahasa, Dayang Masni binti Mokhtal dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, beliau sebagai pemimpin muda yang berwibawa perlu ada keberanian menghujahkan pandangan yang bernas dengan bangga menggunakan bahasa Melayu di

hadapan khalayak ramai serta tidak mengesampingkan falsafah Melayu Islam Beraja sebagai pedoman dan jati diri bangsa Melayu.

Sebagai persediaan awal untuk mengasah bakat bakal peserta pidato, DBP melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa juga telah berjaya menganjurkan Bengkel Bimbingan Pidato 2024 yang diadakan pada 9 Mac 2024 lalu.

Menurut Penolong Setiausaha, Pertandingan Pidato Kebangsaan merupakan salah satu kegiatan bagi sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 dan seterusnya menggemakan Sambutan Bulan Bahasa yang saban tahun diraikan.

Pertandingan itu dianjurkan katanya, antaranya adalah untuk melahirkan para belia yang berketerampilan, berwawasan dan mempunyai kemahiran pengucapan awam yang amat diperlukan mutakhir ini sebagai persiapan dan kesiapsiagaan menghadapi cabaran dan arus kemodenan yang sentiasa bergerak pantas dan maju.

Tambahnya, objektifnya ialah untuk menggilap bakat dan kemahiran diri khusus dalam pengucapan awam dan sebagai prasyarat bagi mempersiapkan diri dalam mana-mana pertandingan pidato yang dianjurkan. Penyertaan bengkel tersebut sangat

memberangsangkan, iaitu seramai 33 peserta yang terdiri daripada semua lapisan umur masyarakat.

"Hal ini jelas memperlihatkan bahawa semua golongan di negara ini turut sama merealisasikan salah satu Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya selaras dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

"Walaupun Pertandingan Pidato Kebangsaan ini dianjurkan setiap tahun namun keilitizaman para belia tidak pernah berkurangan bahkan setiap tahun penyertaannya sangat menggalakkan. Semangat inilah yang perlu disemai sebagai pembakar semangat untuk terus mempertingkatkan dan memantapkan pelbagai kemahiran sedia ada," katanya lagi.

Peserta pidato juga diberi kebenaran dan kebebasan untuk menyediakan tajuk pidato yang bersesuaian dengan isu terkini / semasa yang signifikan dengan, sama ada perkembangan bahasa Melayu, pembangunan ekonomi, masa depan belia, pembangunan kapasiti dan budaya, asalkan tidak menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan bangsa, mempolemikan agama, politik, ketatanegaraan, kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.

Pertandingan ini dibukakan kepada belia yang berumur antara 15 - 35 tahun bagi warganegara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SUASANA peringkat saringan bagi Pertandingan Pidato Kebangsaan.

dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Pertandingan ini akan diadakan secara fizikal di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas dan disiarkan secara langsung melalui penstriman Facebook DBP.

Seramai 21 peserta yang terdiri dari sekolah-sekolah menengah, maktab, institut pengajian tinggi (IPT), universiti, para penjawat awam sama ada sektor kerajaan mahupun swasta dan orang persendirian termasuk 11 peserta daripada bengkel bimbingan pidato yang lalu telah mengikuti pertandingan pidato ini.

Johan Pertandingan Pidato nanti akan menerima wang tunai BND800, piala, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP dan naib johan akan menerima wang tunai BND600, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP manakala pemenang ketiga akan menerima wang tunai BND400, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

Bagi sagu hati keempat dan sagu hati kelima masing-masing akan menerima wang tunai BND200, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 15 April, 1964.

MAJLIS PERPISAHAN ANJORAN PEGAWAI2 KERAJAAN UNTUK PUTERA2 D. Y. M. M.

*"Malam ini memakan jagong —
Malam besok memakan serai.
Malam ini kita berkampong —
Malam besok kita bercherai"* —
kata Awang Jaya.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Kerajaan di-Bandar Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan perpisahan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bertempat di-Dewan Kemasyarakatan pada malam 5 April.

Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei.

Majlis perpisahan itu di-mulai dengan baca'an do'a selamat oleh Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat ka-England pada petang 9 April untuk melanjutkan pelajaran masing2 di-sana.

Awang Jaya bin Abdul Latif, sa-laku Pengurus, Majlis Jamuan Perpisahan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berucap bagi pehak Pegawai2 Kerajaan di-Bandar Brunei di-majlis itu.

Awang Jaya berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa sa-bagaimana para hadirin telah mema'lom bahawa "tujuan hamba Tuanku semua mengadakan jamuan ini ia-lah semata2 untuk memberikan SELAMAT BELAYAR kepada Yang Teramat Mulia kedua dan juga untuk berdo'a moga2 Yang Teramat Mulia SELAMAT KEMBALI ka-Tanah Ayer-nya.

"Keberangkatan Yang Teramat Mulia ka-United Kingdom ada-lah hamba Tuanku semua sambut dengan megah-nya, kerana hamba Tuanku semua percaya bahawa oleh sebab United Kingdom itu sudah di-anggap sebagai GEDONG ILMU PENGETAHUAN, maka sudah tentu-lah ra'ayat Brunei ini akan beruntung — beruntung kerana Yang Teramat Mulia akan berkesempatan untuk melengkapi diri Yang Teramat Mulia untuk mengharungi SANDIWARA HIDUP yang akan di-tempohi oleh Yang Teramat Mulia.

"Bagi hamba Tuanku semua

yang tinggal sentiasa akan bertugas sebagai Pegawai2 Kerajaan untuk menjalankan pekerjaan yang di-tugaskan kepada hamba Tuanku semua. Dalam hal ini hamba Tuanku semua menyedari bahawa hamba Tuanku semua tidak boleh melarikan diri dari membeban tanggung2 jawab, walaupun betapa besar sekali pun hasrat hamba Tuanku untuk itu, kerana sebagai menjalankan kelichinan dan keamanan Pentadbiran Negara demi kesentosaan, keamanan dan kemajuan negara kita."

Selanjut-nya dengan sedeh-nya Awang Jaya berpanton "Malam ini memakan jagong; malam besok memakan serai. Malam ini kita berkampong; malam besok kita bercherai."

Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah membalas ucapan itu dengan kata2 yang berharga.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota berkata antara lain "Adinda Beta Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Beta dengan

sukachita mengucapkan ribuan terima kasih atas do'a dan ucapan selamat yang mengandungi nasehat yang membayangkan sa-bagai bukti tanda kasih tuan2 yang di-hormati, yang Beta insya' Allah sangat menghargakan dan tidak akan melupakan-nya."

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota selanjut-nya berkata, "Beta berdua mengucapkan SELAMAT TINGGAL kepada tuan2 yang di-hormati sekalian untuk SEMENTARA WAKTU untuk kami belajar dan sekali lagi mengucapkan terima kasih atas jamuan yang sangat permai yang di-adakan untuk Beta berdua."

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, dengan di-iringi oleh Y. T. Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah menemui para hadirin di-Dewan Kemasyarakatan itu, sambil sekalian-nya telah mengucapkan selamat berpisah kepada kedua2 orang Putera2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Ahli2 Jawatan Kuasa Majlis Perpisahan tersebut mengandungi Awang Abidin bin Abdul Rashid (Pengurus), Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Awang Jaya bin Abdul Latif, Awang Johari bin Abdul Razak, Awang Hussin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusof, Dayangku Intan binti Pengiran Apong dan Awang Anthony Chin.

Pancharagam Pulis Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pancharagam Pulis Brunei di-bawah arahan Pengarah-nya yang baharu, Awang G.R. Crowhurst telah mengadakan satu persembahan musik bertempat di-Tempat Pancharagam Pulis di-sini pada malam 3 April yang lalu. Di-antara ramai para hadirin di-temasha tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Awang E.O. Laird; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof dan lain2-nya.

Sa-lepas di-adakan temasha tersebut, para jemputan yang hadir di-temasha itu telah di-ra'ikan di-satu "majlis makan kecil" oleh Pesuruh Jaya Pulis Brunei, Awang A.W.J. Slater di-Rumah Aman, ia-itu tempat kediaman beliau.

Ka-Kuala Lumpur

BERAKAS. — Ketua Nadhir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Husain bin Mohamed Yusof telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 31 Mach, 1964 untuk menghadhiri Seminar Asrama2 Belia Antara Bangsa, bagi Kawasan Asia.

Seminar tersebut di-adakan di Kuala Lumpur mulai dari 3 April hingga ka-11 April. Ini-lah pertama kali Negeri Brunei menghantarkan wakil untuk menghadhiri seminar itu.

"DI-TANGAN GURU2-LAH TERLETAK BERIBU2 JIWA"

SENGKURONG. — Di-tangan guru2-lah terletak beribu2 jiwa dan mereka-lah yang bakal menentukan ka-arrah mana tujuan hidup orang2 yang mereka pimpin. Demikian kata Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Mohamed Zain Haji Saruddin.

Awang Mohamed Zain telah melafadzkan kata2 tersebut ketika memberi ucapan bagi pehak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei di-majlis pembukaan perjumpaan Guru2 Ugama Daerah Tutong di-Sekolah Ugama Sengkurong pada pagi 4 April.

Oleh yang demikian, kata Awang Mohamed Zain, sa-saorang guru hendak-lah mensifatkan diri-nya sa-bagai bapa bagi kanak2 lelaki dan sa-bagai emak bagi kanak2 perempuan yang penoh kasih sayang kepada anak2-nya.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Mohamed Zain telah menyeru kepada guru2 supaya mereka lebih giat lagi menyempurnakan tanggung jawab masing2 yang beliau sifatkan sa-bagai "pemimpin yang besar arti-nya dan penoh dengan

tanggung jawab".

Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan majlis perjumpaan guru2 ugama tersebut.

Pengurus majlis perjumpaan tersebut, Awang Mahale bin Haji Abdullah menyatakan bahawa tujuan utama mengadakan perjumpaan tersebut ia-lah untuk mengeratkan lagi perpaduan di-antara guru2 ugama di-Daerah Tutong di-mana dapat-lah mereka membincangkan mengenai chara2 pengajaran Ugama Islam supaya lebih berkesan di-kalangan penduduk2 di-negeri ini.



Satu majlis menyerahkan bangunan Sekolah Melayu Kampong Putat yang di-bina oleh penduduk2 kampung itu kepada Jabatan Pelajaran Negeri Brunei telah di-adakan baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan murid2 dan guru2 Sekolah itu serta lain2 orang di-hadapan sekolah tersebut.

SEMAI SEMANGAT PATRIOTIK DALAM DIRI PELAJAR

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan, hari ini.

Seramai 141 pelajar Tahun 7 menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di dewan sekolah berkenaan. Juga hadir pada

program tersebut, Pengetua Sekolah, Madam Kho Lan dan tenaga-tenaga pengajar.

Pengisian program disampaikan oleh Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik dan Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Jabatan Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan lebih terperinci.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian

hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



PROGRAM Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan (atas dan kanan).



MINDA PEMBACA

Jangan pandang ringan kesihatan mental

KES penyakit mental menyebabkan seseorang mengalami kemurungan dan tekanan sehingga ada yang bertindak membunuh diri. Ia sering dikaitkan dengan perubahan gaya hidup serta kemajuan dunia masa kini yang banyak menimbulkan tekanan kepada individu.

Tambahan lagi, kita terpaksa berhadapan dengan norma baharu sepanjang pandemik COVID-19 yang sehingga kini masih belum ada titik noktahnya. Sebenarnya, ramai lagi yang masih keberatan untuk bercakap mengenai masalah kesihatan mental, apatah lagi mendapatkan rawatan atau berjumpa pakar psikiatri. Stigma yang mendalam terhadap rawatan psikiatri juga masih lagi belum dapat

dihapuskan sepenuhnya dalam masyarakat kita.

Terkait masalah kesihatan mental ini, golongan wanita menunjukkan kadar yang sedikit tinggi berbanding dengan golongan lelaki. *Me time* adalah satu-satunya masa yang dimiliki para ibu bagi menghilangkan tekanan persekitaran yang dialami supaya dapat 'berfungsi' dengan lebih baik. Masyarakat perlu berhenti membandingkan situasi pada masa ini dengan generasi terdahulu yang tidak mengamalkan 'masa sendiri'.

Ada yang melabelkan 'gila' kepada golongan yang menghadapi masalah kesihatan mental sehingga mereka malu untuk menerima rawatan di peringkat awal dan menyebabkan penyakit tersebut menjadi

bertambah teruk.

Ingatlah, tanggungjawab untuk mencegah penyakit mental bukan hanya terletak kepada badan atau perkhidmatan kesihatan mental tetapi juga peranan dari pihak lain termasuk sekolah, universiti, badan profesional serta masyarakat seluruhnya. Setiap individu tidak boleh memandang ringan terhadap kesihatan mental dan mesti berusaha melakukan perubahan gaya hidup untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan lebih sihat.

Nama : Khartina binti Mohd. Hamir
No. K/P : 00-300XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mewujudkan Persekitaran Inklusif Untuk Autisme'. Tarikh Tutup : 24 April 2024
2. 'Erat Silaturahim Sesama Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2024
3. 'Membina Masyarakat Celik Digital'. Tarikh Tutup : 8 Mei 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

'Iddah Perempuan Mustahadhah

tersebut adalah sama.

Menurut para ulama, tempoh 'iddah perempuan *mustahadhah* adalah tertakluk kepada keadaan-keadaan mereka sebagaimana berikut:

1. Perempuan yang kematian suami. Perempuan yang kematian suami dalam keadaan dia mengalami istihadhah, maka 'iddahnya sama seperti 'iddah perempuan lain yang kematian suami iaitu selama empat bulan 10 hari berdasarkan kiraan bulan *qamariyyah* bermula dari waktu kematian suami.
2. Perempuan yang bercerai dengan suami.

Perempuan yang bercerai dengan suami disebabkan talak atau fasakh dan dia mengalami istihadhah, maka 'iddahnya adalah seperti berikut:

- i. Jika dia dari golongan *mubtada'ah mumayyizah*, *mu'tadah mumayyizah* atau *mu'tadah ghairu mumayyizah* tempoh 'iddahnya adalah tiga *quru'* (tiga kali suci daripada haidh).

Dalam kitab Nihayah al-Muhtaj, Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut:

Ertinya: Dan 'iddah perempuan merdeka atau hamba *mustahadhah* yang bukan *mutahayyirah* ialah dengan *quru'* yang dirujukkan kepada (keadaan) perempuan itu iaitu dia haidh atau suci, maka dirujukkan (waktu haidh dan suci) *mu'tadah berdasarkan kebiasaannya pada keduanya (waktu haidh dan suci) dan begitu juga (dirujukkan waktu haidh dan suci) mumayyizah (berdasarkan keadaannya) yang dapat membezakan (sifat haidh atau tidak).*

Mubtada'ah mumayyizah ialah perempuan yang baru pertama kali datang haidh yang keluar melebihi tempoh maksima darah haidh iaitu 15 hari dan dia dapat membezakan di antara darah haidh dan darah istihadhah dengan melihat sifat-sifat darah seperti aspek kekuatan warna, kepekatan atau bau darah. Kekuatan warna seperti warna kehitaman lebih kuat berbanding darah warna merah, warna merah lebih kuat berbanding warna merah kekuningan (perang), warna merah kekuningan lebih kuat berbanding warna kuning dan warna kuning lebih kuat dari warna keruh. Dari aspek kepekatan darah pula, darah pekat adalah lebih kuat berbanding darah cair. Manakala dari aspek bau darah, darah yang mempunyai bau busuk lebih kuat berbanding darah yang tidak mempunyai bau.

Mereka ini menjadikan sifat-sifat darah di dalam menentukan darah yang keluar itu adalah darah haidh atau darah istihadhah. Darah yang mempunyai sifat yang lebih kuat adalah dikira sebagai darah haidh, sementara darah yang mempunyai sifat yang lebih lemah adalah dikira sebagai darah istihadhah dengan mengambil kira syarat berikut:

- a. Darah yang mempunyai sifat kuat itu keluar tidak kurang dari sehari semalam.
- b. Darah yang mempunyai sifat

kuat itu keluar tidak melebihi 15 hari.

c. Darah yang mempunyai sifat lemah itu keluar tidak kurang dari tempoh sekurang-kurang hari bersih iaitu 15 hari.

Mu'tadah mumayyizah ialah perempuan yang sudah biasa mengalami haidh dan kemudian suci dari haidh tersebut, tetapi bagi haidhnya kali ini melebihi tempoh maksima haidh iaitu 15 hari dan dia dapat membezakan di antara sifat darah haidh dan darah istihadhah. Bagi menentukan hari suci *mu'tadah mumayyizah* ini hendaklah dia mengikut perkiraannya dan pengetahuannya yang dapat membezakan sifat darah yang keluar itu, sama ada ia adalah darah haidh atau bukan. Misalnya seorang perempuan pada bulan sebelumnya didatangi haidh pada 2 haribulan selama enam hari. Tiba-tiba pada bulan ini dia melihat dan yakin darah haidh yang kehitam-hitaman cuma dalam tiga hari sahaja, kemudian diikuti dengan darah yang lemah warnanya selama 27 hari. Maka tiga hari yang pertama itulah waktu haidh, manakala selebihnya adalah waktu *istihadhah*.

Mu'tadah ghairu mumayyizah ialah perempuan yang sudah biasa mengalami haidh dan kemudian bersih dari haidh tersebut, tetapi bagi haidhnya kali ini melebihi tempoh maksima haidh iaitu 15 hari, namun dia tidak dapat membezakan di antara sifat darah haidh dan darah istihadhah. Walau bagaimanapun dia mempunyai kebiasaan bagi hari haidh dan hari suci dan dia ingat kedua perkara itu. Bagi menentukan waktu suci *mu'tadah ghairu mumayyizah* ini hendaklah dikira mengikut kebiasaannya iaitu dari segi waktu dan tempoh haidhnya sebelum ini. Misalnya, jika pada bulan yang sebelumnya dia didatangi haidh pada 2 haribulan selama enam hari, maka waktu dan tempoh itulah juga yang akan digunakan sebagai ukuran pada bulan berikutnya untuk mengira jumlah hari haidh. Baki selain hari haidh itu pula adalah hari istihadhah.

Dalam menentukan kebiasaan pula, adalah memadai dengan hanya satu kali berlaku haidh tersebut. Sebagai contoh: Seseorang baru pertama kali mengalami haidh pada 2 haribulan selama tempoh 6 hari, namun pada bulan seterusnya dia mengalami istihadhah. Maka haidh yang pertama kali dialaminya itu sudah boleh dianggap kebiasaan yang akan menentukan hari haidh dan hari sucinya pada bulan-bulan seterusnya.

- ii. Jika dia dari golongan *mubtada'ah ghairu mumayyizah*, maka tempoh 'iddahnya ialah 90 hari bermula dari awal permulaan darahnya keluar. Perkara ini adalah disebabkan kebiasaannya setiap bulan itu mengandungi waktu haidh dan waktu suci.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut:

Ertinya: Dan *mubtada'ah* yang dikira sehari semalam waktu haidh dan 29 hari waktu suci, maka 'iddahnya ialah 29 hari dari permulaan darahnya jika dia perempuan merdeka kerana setiap bulan

itu pada kebiasaannya mengandungi waktu haidh dan waktu suci.

Mubtada'ah ghairu mumayyizah ialah perempuan yang baru pertama kali datang haidh yang keluar melebihi tempoh maksima darah haidh iaitu 15 hari namun dia tidak dapat membezakan antara darah *haidh* dan darah *istihadhah* kerana melihat darah yang keluar itu hanya satu sifat sahaja ataupun melihat darah yang keluar itu berbeza-beza sifatnya tetapi darah yang mempunyai sifat kuat itu keluar kurang dari sehari semalam, darah yang mempunyai sifat kuat itu keluar melebihi 15 hari dan darah yang mempunyai sifat lemah itu keluar kurang dari tempoh sekurang-kurang hari bersih iaitu 15 hari.

Bagi menentukan waktu suci *mubtada'ah ghairu mumayyizah* ini adalah dengan mengetahui tempoh haidhnya. Tempoh haidh bagi golongan ini ialah satu hari satu malam dari waktu permulaan darah keluar sekalipun darah tersebut bersifat lemah. Ketetapan ini adalah kerana darah yang keluar dalam tempoh satu hari satu malam itu diyakini sebagai darah haidh. Manakala baki 29 hari keluar darah itu adalah dikira sebagai hari sucinya. Misalnya seorang perempuan yang baru pertama kali haidh pada 7 haribulan, namun mengalami darah berpanjangan sehingga ke hujung bulan dan dia tidak dapat membezakan darah yang keluar, maka waktu haidh ialah pada 7 haribulan itu sahaja, manakala selebihnya adalah waktu istihadhah dan dikira sebagai hari sucinya.

- iii. Jika dia dari golongan *mutahayyirah* iaitu *mustahadhah* yang tidak dapat membezakan sifat darah dan dia juga lupa sama sekali tarikh dan jangka masa tempoh kebiasaan haidhnya, maka tempoh 'iddahnya adalah tiga bulan berdasarkan kiraan bulan *qamariyyah*.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut lagi:

Ertinya: Dan 'iddah perempuan merdeka *mutahayyirah* ialah dengan (kiraan) tiga bulan *qamariyyah*.

Kiraan tiga bulan dalam perkara ini adalah bagi perceraian yang berlaku pada awal bulan *qamariyyah* atau pada pertengahan bulan yang kurang dari 15 hari dari baki hari pada bulan tersebut. Contohnya bagi perempuan yang dicerai pada 7 haribulan Safar (awal bulan), maka tempoh 'iddahnya tamat pada hari terakhir bulan Rabi'ulakhir. Manakala perempuan yang dicerai pada 17 haribulan Safar (kurang dari 15 hari baki bulan Safar), maka tempoh 'iddahnya tamat pada hari terakhir bulan Jamadilawal.

Adapun perceraian yang berlaku pada pertengahan bulan dan berbaki lebih dari 15 hari dari hujung bulan, maka ketika menjalani 'iddah itu adalah dikira sebagai satu *quru'* kerana tidak mustahil dalam waktu tersebut ada terkandung waktu suci perempuan itu. Selepas itu, dia hanya perlu menyelesaikan 'iddahnya dua bulan untuk mencukupkan tempoh tiga bulan.

Demikian penjelasan syara' mengenai tempoh 'iddah perempuan *mustahadhah*.

TEMPOH 'iddah yang diwajibkan ke atas perempuan yang kematian suami jika dia tidak hamil ialah empat bulan sepuluh hari. Sekiranya dia hamil, maka tempoh 'iddahnya ialah sehingga dia melahirkan, dengan syarat anak yang di dalam kandungannya itu adalah keturunan daripada suaminya yang telah meninggal dunia.

Manakala tempoh 'iddah kerana talak atau fasakh setelah berlaku jima' (persetubuhan) di antara suami dan isteri ialah tiga quru' (tiga kali suci daripada haidh) jika dia tidak hamil dan masih mempunyai haidh. Sekiranya dia hamil, maka tempoh 'iddahnya ialah sehingga dia melahirkan. Sekiranya dia sudah putus haidh (menopaus), maka tempoh 'iddahnya ialah tiga bulan.



Buku - gedung ilmu tanpa sempadan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

PADA 23 April setiap tahun masyarakat dunia akan mengingati sebagai Hari Buku Sedunia. Hari Buku Sedunia dirayakan di seluruh dunia untuk mengenali ruang lingkup buku sebagai penghubung masa lalu dan masa depan serta menjadi jambatan budaya dan generasi.

Apakah Hari Buku Sedunia?

Hari Buku Sedunia merupakan perayaan yang diselenggarakan dengan misi untuk mempromosikan kepada orang ramai khususnya kanak-kanak bahawa membaca buku itu menyenangkan tanpa mengira jenis buku yang dibaca. Tidak dapat dinafikan bahawa buku masih mempunyai kuasa untuk menghubungkan budaya dan generasi di mana setiap orang berhak mempunyai pilihan buku bacaan yang disukai umpamanya kanak-kanak dengan buku-buku animasi, remaja dengan buku cinta atau teknologi dan golongan orang tua pula lebih cenderung dengan buku-buku keagamaan atau hal ehwal semasa.

Perayaan Hari Buku Sedunia ini diciptakan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai perayaan dunia untuk buku dan membaca. World Book Day juga telah diperingati oleh lebih kurang 100 negara di dunia. Ini adalah kerana ia merupakan perayaan di seluruh dunia untuk menggalakkan membaca dan menikmati buku.

Semasa sambutan Hari Buku, organisasi antarabangsa yang mewakili perpustakaan, penjual buku, dan penerbit, bersama-sama dengan UNESCO, memilih sebuah bandar untuk menjadi Ibu Kota Buku Dunia dari 23 April hingga tahun berikutnya untuk mengekalkan satu siri aktiviti yang mana selama satu tahun untuk mempertahankan perayaan buku dan membaca.

Membaca buku

Buku memiliki kemampuan unik untuk menghibur dan mengajar. Buku merupakan sarana untuk menjelajahi alam di luar pengalaman peribadi kita melalui paparan berbagai penulis, alam semesta, dan budaya.

Ada banyak buku tentang begitu banyak topik dan mata pelajaran dan buku-buku ini dapat menawarkan awda lebih banyak inspirasi daripada yang dapat awda manfaatkan atau harapkan. Membaca buku yang tepat dapat memberi awda inspirasi yang tidak ternilai untuk situasi apa pun.

Membaca buku juga diyakini menjadi penunjuk paling berpengaruh terhadap kejayaan seorang anak di masa depan, lebih penting daripada keadaan ekonomi keluarga dan latar belakang pendidikan orang tua. Bahkan bila kita sudah dapat merasakan keseronokan membaca, maka kegiatan tersebut boleh menjadi hiburan tersendiri semasa berada di dalam rumah. Kerana itu, membaca buku menjadi aktiviti bermanfaat yang dapat dilakukan untuk menyingkir kebosanan di rumah, memperluas wawasan, sekali gus merangsang fikiran dan kreativiti.

Pengetahuan adalah kekuatan dan buku-buku bagus memberi kita pengetahuan tentang pelbagai topik dan aliran pemikiran. Awda dapat meningkatkan pengetahuan awda tentang bidang apa pun hanya dengan membaca buku tentang topik itu.

Membaca buku juga penting kerana dapat menambah banyak kosa kata kita. Kosa kata yang banyak adalah salah satu daripada banyak keuntungan membaca buku. Kosa kata yang bagus meningkatkan kemampuan bercakap dan komunikasi bertulis. Ini kerana awda meningkatkan kemampuan awda untuk mengekspresikan diri awda lebih jelas saat awda membangun kekayaan kata-kata awda. Buku yang bagus dapat memaparkan awda pada kata-kata baharu, ekspresi baharu, dan cara baharu menggunakan kata-kata lama. Ini memiliki efek meningkatkan kosa kata awda.

Dengan membaca buku, kita juga dapat membuka wawasan dan memberikan kesempatan buat diri untuk memiliki banyak persepsi dalam memandang suatu hal. Ini boleh membantu supaya mempunyai pemikiran yang lebih kritis lagi ketika berhadapan dengan suatu masalah.

Selain itu, membaca buku juga dapat mengurangkan stres. Menurut informasi yang diperoleh daripada Healthline, sebuah kajian mendapati ketika seseorang menghabiskan waktu sekitar 30 minit untuk membaca buku, maka dia dapat menurunkan tekanan darah, degup jantung dan perasaan tertekan yang sama efektifnya dengan melakukan yoga. Membaca buku yang baik dapat mengubah hidup awda, membantu awda memecahkan

masalah dan meningkatkan pengetahuan awda.

Buku adalah harta yang luar biasa dari mana kita dapat belajar, berkembang, meningkatkan keterampilan kita, mengembangkan bakat baharu dan bahkan menghibur diri kita sendiri.

Melalui buku, kita dapat belajar daripada kegagalan orang lain tanpa mengulangi kesalahan mereka. Kita menjadi mampu memperluas persekitaran kita, meluaskan fikiran kita, mengembangkan diri kita dan menjadi versi terbaik diri kita sendiri.

Cabaran era digital

Cabaran masa kini bagi menarik minat pembaca ialah adanya e-Buku yang semakin mendapat tempat dalam kalangan para belia. Walaupun bentuk penerbitan tradisional atau fizikal masih mendapat permintaan, era digital juga mencorakkan bentuk penerbitan yang baharu sekali gus mencabar penerbitan secara tradisional itu.

Para remaja cenderung perkara-perkara yang mudah dan ringkas. Oleh itu, membaca secara *online* semakin diminati kerana di mana jua awda berada, kegiatan membaca dapat dilakukan asalkan awda mempunyai telefon bimbit yang canggih dan mengakses mana-mana platform buku *online*.

Walaupun bagaimanapun cara awda membaca buku, ilmu yang diperoleh hasil pembacaan tersebut akan tetap kekal dalam minda. Justeru tidak rugi jika awda meluangkan masa lapang awda dengan membaca buku.



DUA HELIKOPTER TERHEMPAS DI LUMUT, 10 DISAHKAN MENINGGAL



KUALA LUMPUR, 23 April. - meninggal dunia dalam insiden Sepuluh anggota Tentera Laut dua helikopter bertembung dan Diraja Malaysia (TLDM) disahkan terhempas di Pangkalan Tentera

Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak pagi ini.

Cawangan Komunikasi Strategik Markas Tentera Laut menerusi kenyataan memaklumkan insiden pada 9.32 pagi itu melibatkan 10 kru masing-masing tujuh kru Helikopter Operasi Maritim (HOM-AW139) dan tiga lagi kru Fennec TLDM.

"Kesemua mangsa disahkan terkorban di tempat kejadian dan dihantar ke Hospital Angkatan

Tentera Pangkalan TLDM Lumut untuk proses pengecaman," menurut kenyataan itu di sini, hari ini.

Kenyataan itu memaklumkan TLDM akan menubuhkan Lembaga Siasatan bagi mengenal pasti punca kejadian. Selain itu, TLDM juga memohon orang ramai tidak menularkan video kejadian demi menjaga sensitiviti keluarga dan proses penyiasatan.

Terdahulu, tular video di media sosial memaparkan sebuah helikopter terlanggar bahagian belakang sebuah lagi helikopter sebelum kedua-dua pesawat berkenaan terjunam. Difahamkan insiden berlaku semasa Latihan Lintas Hormat Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) TLDM ke-90 yang dijadualkan pada awal bulan depan. - ©BERNAMA

Jemaah umrah Iran berlepas ke Arab Saudi selepas 10 tahun

TEHRAN, 22 April. - Kafilah pertama jemaah umrah Iran memulakan perjalanan mereka ke Tanah Suci Makkah pada Isnin selepas terhenti selama 10 tahun.

Majlis pelepasan rasmi jemaah umrah itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Imam Khomeini di ibu negara Iran pada Isnin dan dihadiri wakil pemimpin dalam hal ehwal haji dan ziarah Abdolfattah Navvab, Ketua Organisasi Haji dan Ziarah Abbas Hosseini dan Duta Arab Saudi ke Iran Abdullah bin Saud al-Anzi, lapor Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA).

Iran akan menghantar jemaah umrah ke Arab Saudi dari 11 lapangan terbang di seluruh negara itu mulai Isnin, kata Mohammad-Hosseini Ajilian yang bertanggungjawab ke atas operasi haji dalam syarikat pengurusan lapangan terbang Iran pada Sabtu.

Lapangan Terbang Antarabangsa Mashhad juga akan mengendalikan penerbangan seumpama itu pada Isnin dan lapangan terbang di bandar utama termasuk Zahedan, Ahvaz, Tabriz, Yazd, Kerman, Bandar Abbas, Sari, Isfahan, dan Shiraz, masing-masing akan menyewa khas satu penerbangan pada hari-hari berikutnya.

Lapangan terbang Marshad akan mengendalikan penerbangan akhir ke Arab Saudi pada 2 Mei. Ajilian berkata sejumlah 5,720 jemaah dijangka berlepas ke Arab Saudi tahun ini. - ©BERNAMA

Gas nitrogen meletup, dua pekerja kilang cedera, seorang kritikal

SHAH ALAM, 22 April. - Tiga pekerja cedera termasuk seorang kritikal selepas gas nitrogen meletup dalam kejadian di sebuah kilang Kota Kemuning di sini hari ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi dan Kebombaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar dalam kenyataan berkata pihaknya menerima panggilan berkaitan kejadian itu pada 10.14 pagi.

Susulan itu, katanya seramai 12 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Shah Alam bersama tiga jentera digerakkan ke lokasi kejadian.

"Kejadian berlaku akibat letupan gas nitrogen ketika ujian tekanan sedang dilakukan pekerja kilang terbabit.

"Letupan tersebut mengakibatkan mangsa iaitu dua lelaki cedera separa sadar dan seorang lagi kritikal," katanya.

Ahmad Mukhlis berkata Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) turut dikejarkan ke lokasi insiden bagi memastikan tiada bahaya melibatkan bahan kimia dan siasatan mendapati letupan tidak melibatkan struktur bangunan kilang tersebut. - ©BERNAMA

Parti Presiden Maldives dijangka menang besar dalam Pilihan Raya

NEW DELHI, 22 April. - Parti Presiden Mohamed Muizzu dijangka menang besar dalam Pilihan Raya Parlimen Maldives, pada Ahad. Menurut media tempatan, parti Muizzu Kongres Nasional Rakyat (PNC) dijangka memenangi lebih 60 daripada 93 kerusi yang dipertandingkan.

Pembangkang, Parti Demokratik Maldives pula dijangka memperoleh hanya 15 kerusi.

Jumlah pemilih yang layak mengundi ialah 284,000, yang mana 72.9 peratus mengundi untuk memilih 93 wakil mereka daripada 368 calon yang berhasrat mengisi kekosongan kerusi di Majlis Rakyat.

Rakyat Maldives telah menunjukkan sokongan kuat kepada Muizzu dan agenda pembangunannya, kata Menteri Pengangkutan dan Perkhidmatan Penerbangan Maldives Mohamad Ameen dalam hantaran di media sosial.

Muizzu yang memenangi Pilihan Raya Presiden tahun lepas dengan kempen yang tidak memberi keutamaan kepada pengaruh negara luar tertentu dan menumpukan kepada meningkatkan kemudahan kesihatan, perumahan dan perniagaan, eksport perikanan dan membina perkongsian dengan negara-negara utama dunia termasuk China. - ©BERNAMA

China, Kemboja ikrar majukan pembinaan komuniti berkongsi nasib

PHNOM PENH, 22 April. - Raja Kemboja Norodom Sihamoni menerima kunjungan Menteri Luar China Wang Yi, di sini pada Ahad.

Dalam pertemuan itu, Raja Sihamoni menyatakan penghargaan atas bantuan dan sokongan China kepada pembangunan sosioekonomi Kemboja, yang menyuntik penggerak kuat bagi pembinaan komuniti berkongsi nasib sesama negara.

Bagindayakin pembinaan "Koridor Pembangunan Perindustrian" dan "Koridor Ikan dan Beras" akan turut menjana pertumbuhan ekonomi Kemboja.

Raja Sihamoni bertitah Kemboja berpegang teguh pada dasar satu China serta aktif menyokong gagasan dan inisiatif yang

disyorkan China termasuk visi komuniti berkongsi nasib sesama insan.

"Diyakini bahawa ikatan muhibah yang dijalin antara Kemboja dengan China akan kekal utuh dan diwarisi dari generasi ke generasi," titah baginda.

Sementara itu, Wang menyatakan bahawa di bawah bimbingan pemimpin kedua-dua negara, pembinaan komuniti berkongsi nasib China-Kemboja telah memasuki fasa baharu yang menonjolkan kualiti tinggi, taraf tinggi dan standard tinggi.

"China bersedia bekerjasama dengan Kemboja untuk melaksanakan konsensus strategik dicapai pemimpin kedua-dua negara.

"China akan sentiasa menjadi

rakan kongsi yang paling boleh dipercayai serta penyokong yang paling kuat bagi Kemboja," kata Wang.

Wang berkata China sedang giat menggerakkan pemodenan bercirikan sendiri, mempercepat pembangunan kuasa produktif kualiti baharu dan memantapkan landskap keterbukaan pada tahap lebih tinggi.

"Pembangunan China akan menawarkan peluang baharu kepada pembangunan Kemboja.

"China sedia berkolaborasi rapat dengan Kemboja ke arah mewujudkan pembangunan bersama, dan memastikan pembinaan komuniti berkongsi nasib dua negara kekal di barisan hadapan sezaman," ujar beliau. - ©BERNAMA

APMM tahan dua kapal, 44 kru di Kota Tinggi

KOTA TINGGI, 22 April. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua kapal dan 44 kru di dua lokasi berbeza di sini, semalam.

Pengarah Maritim Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata penahanan pertama melibatkan sebuah kapal kargo yang berdaftar dari Sierra Leone pada kedudukan 13.5 batu nautika timur Tanjung Penawar, pukul 11 pagi.

Beliau berkata seramai 15 warga Bangladesh dan Indonesia berumur

dalam lingkungan 25 hingga 56 tahun turut ditahan.

"Penahanan kedua pula melibatkan sebuah kapal tangki yang berdaftar dari Comoros pada kedudukan sembilan batu nautika tenggara, Tanjung Balau yang dikendalikan 29 warga India, Pakistan dan Iran berumur antara 21 hingga 54 tahun.

"Nakhoda kedua-dua kapal bersama 12 kru dibawa ke Zon Maritim Tanjung Sedili untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 491B(1)(L) Ordinan Perkapalan

Saudagar 1952," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Nurul Hizam berkata Op Jangkar Haram telah menahan sebanyak 297 kapal sejak dilaksanakan pada 24 Mac 2021, termasuk 34 kapal pada tahun ini.

"Tindakan ini adalah bagi memastikan bahawa semua kapal yang memasuki perairan Malaysia terutamanya perairan Johor menghormati kedaulatan dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan," katanya. - ©BERNAMA

Polis Indonesia gagalkan cubaan memperdagangkan 24 pekerja ke Malaysia

JAKARTA, 22 April. - Polis Indonesia menggagalkan cubaan memperdagangkan 24 pekerja migran ke Malaysia, di barat Wilayah Sumatera Utara.

Jurucakap Polis Sumatera Utara, Hadi Wahyudi memberitahu media tempatan pada Isnin bahawa

bot membawa 24 pekerja migran itu dipintas oleh unit polis marin di perairan Pantai Labu, Keregenan Deli Serdang, pada Sabtu.

Menurut beliau, pekerja dari wilayah seperti Nusa Tenggara Timur, Bengkulu dan Aceh dan sebagainya didakwa sedang merancang pergi ke Malaysia tanpa

dokumen yang lengkap.

Polis juga menahan lima kru bot, seorang ejen dan seorang penyelaras perjalanan, kata Hadi sambil menambah polis akan bekerjasama dengan Agensi Perlindungan Pekerja Migran Indonesia untuk menyiasat kes ini. - ©BERNAMA



PELUANG SERTAI RIADAH AMAL SEMPENA HPA KE-30

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Riadah Amal sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-30 akan diadakan pada Ahad, 19 Mei 2024 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, di sini, bermula pada jam 6.30 pagi.

Semua warga Perkhidmatan Awam dan orang ramai adalah dialu-alukan menyertai riadah berkenaan. Pada riadah tersebut, peserta lelaki akan berlari sejauh 2.5 kilometer manakala bagi peserta wanita sejauh 1.6km.

Dalam hubungan ini, tempahan baju riadah berkenaan dan atas permintaan orang ramai, tempahan baju Riadah Amal dibukakan semula pada 25 dan 27 April 2024 mulai jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tempahan berkenaan, sila hubungi melalui talian WhatsApp menerusi talian +673 7217227, +673 7217557, +673 8985551 dan +673 8261209. Sebahagian hasil daripada penjualan baju berkenaan akan disumbangkan kepada Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan.

رياضه عمل
سمفنا هاري فرخدمتن عوام
ك-30

Riadah Amal
Sempena Hari Perkhidmatan Awam
Ke-30,

BORANG TEMPAHAN BAJU



SILA HUBUNGI MELALUI
TALIAN WHATSAPP SAHAJA:
+673 7217227 / +673 7217557
+673 8985551 / +673 8261209

Sebahagian hasil dari
penjualan baju akan disumbangkan kepada
Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan

Semua warga Perkhidmatan Awam
dan Orang Ramai adalah dialu-alukan menyertai
Riadah Amal Sempena Hari Perkhidmatan Awam ke 30

رياضه عمل
سمفنا هاري فرخدمتن عوام
ك-30

Riadah Amal
Sempena Hari Perkhidmatan Awam
Ke-30,

Ahad, 19 Mei 2024

MULA DAN TAMAT
Taman Sir Omar 'Ali Saifuddin,
Bandar Seri Begawan

JAM
6.30 pagi



Harga Baju		Jenis Baju	
2XS - 2XL	\$15.00	Round Neck	-
3XL	\$16.00	Short Sleeve	-
4XL	\$17.00	Polo Collar	+\$2.00
5XL	\$18.00	Long Sleeve	+\$2.00
6XL	\$19.00	Mandarin Collar	+\$4.00
7XL	\$20.00	+ Zip	
8XL	\$21.00		
9XL	\$22.00		

TARIKH / JAM / TEMPAT PENJUALAN BAJU

TARIKH	JAM	TEMPAT
SELASA, 16 APRIL 2024	9.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI	DI LOBI, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
RABU, 17 APRIL 2024	DAN 2.00 PETANG - 3.30 PETANG	
KHAMIS, 18 APRIL 2024		

Pembayaran adalah dibuat pada hari penjualan secara TUNAI/CASH sahaja

PESERTA LELAKI 2.5 KM
PESERTA WANITA 1.6 KM

Sivasangari kini ranking ke-11 dunia

KUALA LUMPUR, 23 April. - Jaguh skuasy wanita negara S. Sivasangari semakin menghampiri kelompok 10 pemain terbaik dunia selepas melonjak dua anak tangga menduduki *ranking* ke-11 dunia. Ini merupakan ranking terbaik sepanjang kariernya dalam sukan itu selepas berada di kedudukan ke-13 sebelum ini.

Atlet berusia 25 tahun yang baru sahaja merangkul gelaran juara edisi sulung Kejohanan Skuasy Klasik London awal bulan ini mengumpul purata 535 mata berdasarkan laman sesawang rasmi Jelajah Dunia Persatuan Skuasy Profesional (PSA).

Pada kejohanan tersebut, atlet kelahiran Kedah itu mencipta sensasi selepas mengejutkan pemain *ranking* pertama dunia Nour El Sherbini dari Mesir (suku akhir), *ranking* keempat dunia Nele Gilis dari Belgium (separuh akhir) dan *ranking* kedua dunia Hania El Hammamy dari Mesir (*final*).

Dalam pada itu, dua lagi pemain wanita negara Rachel Arnold (275 mata) dan Aifa Azman (228 mata) masing-masing berada di kedudukan ke-28 dan 36. Sementara itu, Ainaa Amani kekal di tempat ke-58 manakala Yasshmitha Jadish Kumar naik satu anak tangga ke-72 berdasarkan *ranking* terbaharu itu. - ©BERNAMA

Thailand berminat dan kemukakan cadangan jadi tuan rumah perlumbaan F1 di Bangkok

BANGKOK, 23 April. - Thailand berminat untuk menjadi tuan rumah perlumbaan Formula 1 (F1) di Bangkok, dengan Perdana Menteri, Srettha Thavisin telah mengemukakan cadangan berkenaan kepada pengurusan tertinggi Kumpulan Formula Satu pada Isnin.

Sretta dalam hantarannya di laman X berkata beliau mengadakan perbincangan dengan Ketua Pegawai Eksekutif Formula Satu, Stefano Domenicali, yang sudi berkunjung ke Thailand atas jemputan kerajaan untuk mengkaji peluang dan meneroka kemungkinan menganjurkan perlumbaan di jalan raya atau litar F1 di Thailand,"

"Saya berpeluang membincangkan dengan Stefano Domenicali, yang sudi berkunjung ke Thailand atas jemputan kerajaan untuk mengkaji peluang dan meneroka kemungkinan menganjurkan perlumbaan di jalan raya atau litar F1 di Thailand,"

katanya.

Srettha berharap agar lawatan ke Thailand ini akan memberikan syarikat itu dengan perspektif dan peluang untuk meneroka laluan yang menunjukkan potensi Thailand menjadi tuan rumah F1.

Media tempatan melaporkan eksekutif Kumpulan Formula Satu berada di Bangkok untuk mengkaji laluan perlumbaan berpotensi atas jemputan Kerajaan Thailand.

Srettha menegaskan Thailand mempunyai potensi menjadi tuan rumah perlumbaan F1 di Bangkok dan kerajaan bersedia untuk menyokongnya.

"Jika berjaya, saya yakin negara kami akan menjadi tuan rumah yang hebat dalam pertandingan ini dengan potensi, kemudahan dan keramahan rakyat Thailand," katanya. - ©BERNAMA

Maghribi juara futsal AFCON 2024 selepas belash Angola 5-1

KUALA LUMPUR, 22 April. - Skuad futsal kebangsaan Maghribi menjuarai Kejohanan Futsal Piala Negara-negara Afrika (AFCON) selepas membelash Angola 5-1 pada final yang berlangsung di Dewan Putera Moulay Abdellah di

Rabat.

Soufiane Bourite (minit keenam), Idriss Rais El Fenni (minit ke-16), Soufiane El Mesrar (minit ke-17), Anas El Ayyane (minit ke-31) and Bilal Bakkali (minit ke-35) menjaringkan gol untuk pasukan

Singa Atlas itu, sementara Adérito (minit ketujuh) mendapatkan gol sagu hati buat Angola, lapor Agensi Berita Maghribi, MAP.

Terdahulu, Libya menewaskan Mesir 3-1 menerusi penentuan penalti untuk

menduduki tempat ketiga.

Tiga pasukan teratas dalam AFCON 2024 akan beraksi di Piala Dunia Futsal, yang akan berlangsung di Uzbekistan dari 14 September hingga 6 Oktober. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBAIKI HUBUNGAN PERSAUDARAAN LANDASAN KEIMANAN, KETAKWAAN